Volume I
No. 6

Monday,
19th October, 1964

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA (SENATE)

OFFICIAL REPORT

FIRST SESSION OF THE SECOND PARLIAMENT OF MALAYSIA

CONTENTS

ADMINISTRATION OF OATH [Col. 661]

MESSAGE FROM THE HOUSE OF REPRESENTATIVES [Col. 661]

BUSINESS OF THE SENATE [Col. 662]

ORAL ANSWERS TO QUESTIONS [Col. 663]

MOTION:

Leave of absence of Members—Approval by the President [Col. 671]

BILLS:

The Supplementary Supply (1964) Bill [Col. 673]
The Consolidated Fund (Expenditure on Account) Bill [Col. 755]
The Workmen's Compensation (Amendment) Bill [Col. 757]
The Merchant Shipping (Amendment) Bill [Col. 761]
The Courts of Judicature (Amendment) Bill [Col. 762]

EXEMPTED BUSINESS (Motion) [Col. 760]

ADJOURNMENT *SINE DIE* (Motion) [Col. 763]

ADJOURNMENT SPEECH—

Kebajikan Pegawai² Polis di-Sabah [Col. 764]

WRITTEN ANSWERS TO QUESTIONS [Col. 769]

DI-CHETAK DI-JABATAN CHETAK KERAJAAN
OLEH THOR BENG CHONG, A.M.N., PENCHETAK KERAJAAN
KUALA LUMPUR
1965

MALAYSIA

DEWAN NEGARA (SENATE)

Official Report

First Session of the Second Dewan Negara

Monday, 19th October, 1964

The Senate met at Ten o'clock a.m.

PRESENT:

The Honourable Mr President, DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMED YASIN, S.P.M.J., P.I.S., J.P. (Johore).

" ENCHE' A. ARUNASALAM, A.M.N. (Appointed).

" ENCHE' ABDUL RAHMAN BIN AHMAD (Perlis).

" ENCHE' ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Appointed).

" ENCHE' ABDUL WAHAB BIN IDUS, P.J.K. (Negri Sembilan).

" TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N. (Penang).

" ENCHE' AHMAD BIN HAJI TAFF (Singapore).

" CHE' AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI (Appointed).

" CHE' BIBI AISHA BINTI HAMID DON, A.M.N. (Appointed).

" ENCHE' AMALUDDIN BIN DARUS (Kelantan).

" DATU JOSEPH AUGUSTINE ANGIAN ANDULAG, P.D.K. (Sabah).

" ENCHE' AWANG DAUD MATUSIN (Appointed).

" DATU TUANKU BUJANG BIN TUANKU HAJI OTHMAN (Sarawak).

" ENCHE' CHAN KWONG-HON, A.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).

" ENCHE' CHEAH SENG KHIM, J.P. (Penang).

" DATO' DR CHEAH TOON LOK, D.P.M.K., D.M.K., J.M.N., J.P. (Appointed).

" ENCHE' CHOO KOK LEONG (Appointed).

" DATO' J. E. S. CRAWFORD, J.M.N., J.P., Dato' Kurnia Indera (Appointed).

" ENCHE' DA ABDUL JALIL BIN HAJI AWANG (Trengganu).

" ENCHE' D. S. DORAI RAJ (Appointed).

" DATO' FOO SEE MOI, D.P.M.K., J.P. (Appointed).

" ENCHE' GAN TECK YEOW, J.M.N. (Appointed).

" ENCHE' C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Appointed).

" ENCHE' ANDREW JIKA LANDAU (Appointed).

" ENCHE' KHOO TECK PUAT (Appointed).

" DATO' LEE FOONG YEE, J.M.N., P.P.T., J.P. (Negri Sembilan).

" DATO' Y. T. LEE, D.P.M.S., J.M.N., P.J.K., J.P. (Appointed).

" ENCHE' LIM HEE HONG, A.M.N. (Appointed).

" ENCHE' MOHAMED ADIB BIN OMAR (Trengganu).

The Honourable DATU PENGIRAN MOHAMED DIGADONG GALPAM, P.D.K. (Sabah).
" DATO' HAJI MOHAMED NOAH BIN OMAR, P.M.N., S.P.M.J., D.P.M.B., P.I.S., J.P. (Appointed).
" TUAN HAJI MOHAMED SAID BIN HAJI ABU BAKAR (Appointed).
" ENCHE' MOHAMED SALLEH BIN MOHAMED ARIFF (Malacca).
" ENCHE' ATHI NAHAPPAN (Appointed).
" ENCHE' S. P. S. NATHAN (Appointed).
" NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, J.M.N. (Appointed).
" TEMENGGONG OYONG LAWAI JAU (Sarawak).
" TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Appointed).
" ENCHE' SAIDON BIN KECHUT, A.M.N. (Appointed).
" DATO' SHEIKH ABU BAKAR BIN YAHYA, D.P.M.J., P.I.S., J.P. (Johore).
" DATO' G. SHELLEY, P.M.N., J.P. (Appointed).
" TUAN SYED AHMAD BIN SYED MAHMUD SAHABUDIN, J.M.N. (Kedah).
" ENCHE' WILLIAM TAN (Appointed).
" DATO' T. H. TAN, P.M.N. (Appointed).
" DATO' TEH SIEW ENG, D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Appointed).
" DATO' E. E. C. THURAISINGHAM, D.P.M.J., J.P. (Appointed).
" ENCHE' S. O. K. UBAIDULLA, J.M.N. (Appointed).
" WAN AHMAD BIN WAN DAUD, J.M.N., P.J.K., J.P. (Perlis).
" DATO' WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
" WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Kedah).
" ENCHE' YAHYA BIN HAJI AHMAD (Perak).
" ENCHE' YEOH KIAN TEIK (Perak).

ABSENT:

The Honourable the Minister without Portfolio, DATO' ONG YOKE LIN, P.M.N. (Appointed).
" ENCHE' HOH CHEE CHEONG, A.M.N., J.P. (Pahang).
" ENCHE' HONG TECK GUAN (Appointed).
" ENCHE' KO TECK KIN (Singapore).
" ENCHE' KOH KIM LENG (Malacca).
" RAJA RASTAM SHAHROME BIN RAJA SAID TAUPHY (Selangor).

IN ATTENDANCE:

The Honourable the Minister of Finance, ENCHE' TAN SIEW SIN, J.P. (Melaka Tengah).
" the Minister of Works, Posts and Telecommunications, DATO' V. T. SAMBANTHAN, P.M.N. (Sungei Siput).
" the Minister of Transport, DATO' HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).

PRAYERS

(Mr President *in the Chair*)

ADMINISTRATION OF OATH

The following Senators made and subscribed the Oath/Affirmation required by law:

Che' Bibi Aisha binti Hamid Don

Enche' Awang Daud Hatusin

Enche' Gan Teck Yeow

Enche' Khoo Teck Puat

Enche' Yahya bin Haji Ahmad.

Mr President: Bagi pehak Ahli² Yang Berhormat Dewan Negara yang lama saya mengalu²kan Ahli² yang baharu dan selamat datang ka-Majlis Meshuarat ini.

MESSAGE FROM THE HOUSE OF REPRESENTATIVES

Mr President: Yang Berhormat Ahli² Dewan Negara saya suka hendak memberitahu Majlis ini bahawa saya telah menerima satu perutusan daripada Majlis Dewan Ra'ayat. Sekarang saya jemput Setia-usaha Majlis membachakan perutusan itu.

(*Whereupon the Clerk read the following Message dated 19th October, 1964.*)

"Mr President,

The House of Representatives has passed the following Bills:

(1) to apply sums out of the Consolidated Fund for additional expenditure for the service of the year 1964 and to appropriate such sums for certain purposes;

(2) to apply a sum out of the Consolidated Fund to the service of the year ending on the thirty-first day of December, 1965;

(3) to amend the Workmen's Compensation Ordinance, 1952;

(4) to amend the Merchant Shipping Ordinance, 1952;

(5) to amend the Courts of Judicature Act, 1964,

and transmits them to the Senate for its concurrence.

(Sgd.) SYED ESA BIN ALWEE
Speaker"

BUSINESS OF THE SENATE

Dato' T. H. Tan: Mr President, Sir, I beg to give notice that I will move the second and third readings of the following Bills at this meeting of the Senate:

(1) The Supplementary Supply (1964) Bill.

(2) The Consolidated Fund (Expenditure on Account) Bill.

(3) The Workmen's Compensation (Amendment) Bill.

(4) The Merchant Shipping (Amendment) Bill.

Mr President: So it be.

Enche' Athi Nahappan: Mr President, Sir, I beg to give notice that I will take the Courts of Judicature (Amendment) Bill through all stages at this meeting of the Senate.

Mr President: So it be.

Mr President: I would like to take this opportunity of reminding Honourable Members that, in accordance with Standing Order 53 (2), after the Supplementary Supply (1964) Bill and the Consolidated Fund (Expenditure on Account) Bill have been read the second time they will be read a third time forthwith without going through the Committee Stage.

Saya suka hendak mengambil peluang ini mengingatkan Yang Berhormat Ahli² Dewan Negara bahawa menurut Sharat Peratoran 53 (2), satelah Rang Undang² Perbekalan (1964) dan Rang Undang² Kumpulan Wang Negara (Perbelanjaan yang Belum Jelas) itu di-bachakan kali yang kedua dan Rang Undang² itu hendak-lah di-bacha kali ketiga dengan serta-merta dengan tidak payah di-timbangkan dalam Perengkat Jawatan-kuasa.

ORAL ANSWERS TO QUESTIONS

CLAIM BY THE SIAMESE DEATH RAILWAY LABOURERS' ASSOCIATION AGAINST THE JAPANESE GOVERNMENT

1. Enche' Saidon bin Kechut asks the Prime Minister to state the progress todate of the "blood-debt" claim put up by the Siamese Death Railway Labourers' Association against the Japanese Government and which was supported by the Malaysian Government and to state what further actions Malaysian Government proposes to take to assist the Association in its claim.

The Minister of Finance (Enche' Tan Siew Sin): Mr President, Sir, in the absence of the Prime Minister, I will try to answer this question as best as I can. I am personally aware that the Prime Minister has not forgotten about this question, but Honourable Members will appreciate that this is a very complex question and I think no quick solution can be found.

Dato' Haji Mohamed Noah bin Omar: Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di-dalam soal ini ada menyebutkan "Telah mendapat sokongan Kerajaan Malaysia", dalam bahasa Inggeris "which was supported by Malaysian Government". Saya hendak bertanya bagaimana rupa sokongan yang telah di-beri kapada Persatuan ini. Ada-kah sokongan ini berupa moral atau bagaimana. Oleh kerana dalam soal ini ada menyebutkan sokongan-nya telah ada, jadi, dapat-kah Kerajaan itu menerangkan bagaimana-kah rupa-nya sokongan yang telah di-beri kapada Persatuan ini?

Enche' Tan Siew Sin: Mr President, Sir, Honourable Members will perhaps recall that this issue actually arose in Singapore and things, I think, threatened to become unmanageable, as a result of which the Prime Minister undertook to take over this question in order to try to reach a solution which will be satisfactory to all parties concerned, but I do not think that the Central Government had stated specifically whether it supported any specific payment.

Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya rasa ada baik-nya Kerajaan Persekutuan menerangkan dengan jelas kapada ra'ayat negeri ini dalam perkara soalan ini. Dato' Yang di-Pertua, Persekutuan yang berkenaan ini sudah mengumpulkan ramai orang-nya dan banyak perbelanjaan telah di-keluarkan. Sekarang saya hendak bertanya, ada-kah Kerajaan Persekutuan berunding dengan Kerajaan Jepun dan ada-kah Kerajaan Jepun membayar ganti rugi itu kapada tiap² sa-orang—individual—atau pun macham mana, sebab-nya Kerajaan Persekutuan telah mengeluarkan wang yang banyak dengan harapan untok mendapatkan bayaran ganti rugi ini. Jadi kalau tidak di-terangkan dengan jelas, orang ramai keliru dan banyak wang telah di-keluarkan untok perbelanjaan bagi perkara tuntutan ini yang di-keluarkan oleh orang ramai. Jadi, saya minta perkara ini di-jelaskan.

Enche' Tan Siew Sin: Mr President, Sir, I am in no position to give further details because this matter has not yet been finalised, but the points raised by the last Honourable Member will be borne in mind.

Enche' Saidon bin Kechut: Dato' Yang di-Pertua, saya maseh merasa tidak puas hati . . . . .

Mr President: Tidak boleh di-soal lagi kerana Yang Berhormat Menteri telah menjawab. Sekarang pergi kapada soalan yang kedua.

COMPENSATION FOR DOG BITES TO METER READERS OF THE CENTRAL ELECTRICITY BOARD AND THE PUBLIC WORKS DEPARTMENT

2. Enche' Saidon bin Kechut asks the Minister of Works, Posts and Telecommunications to state whether Government will consider providing compensation to meter readers employed by the Central Electricity Board and the Public Works Department for being bitten by dogs while

in the performance of their duties as in the case of postmen.

The Minister of Works, Posts and Telecommunications (Dato' V. T. Sambanthan): Tuan Yang di-Pertua, sagu hati boleh di-beri kapada sa-siapa pun yang di-gigit oleh anjing masa menjalankan tugas-nya. Ini adalah mengikut sekshen 2 Minor Offences Amendment Act, 1960. Ini termasok bukan sahaja pengantar² surat Pejabat Pos tetapi juga Pemereksa² Meter yang bekerja di-Lembaga Letrik Pusat dan Jabatan Kerja Raya.

Dato' Haji Mohamed Noah bin Omar: Saya hendak bertanya kapada Menteri Kerja Raya, berapa orang daripada Pemereksa Meter² di-dalam Lembaga Letrik dan Kerja Raya yang telah di-gigit anjing dalam tahun 1964 ini.

Dato' V. T. Sambanthan: Hal ini barang kali Enche' Saidon ada tahu.

Enche' Saidon bin Kechut: Tuan Yang di-Pertua, sunggoh pun jawapan itu telah di-berikan, saya pun berasa separoh puas hati tetapi tiap² kali kita membacha siaran² berhubong dengan pegawai² Pemereksa Meter ayer atau pun Meter Api dan juga daripada Pejabat Pos yang menghantar surat maka hanya tertentu orang² yang di-gigit anjing ini mendapat perlindongan dan perhatian bagi pekerja² Jabatan Pos dan Talikom sahaja tetapi bagi Pejabat Eletrik dan juga Pejabat Kerja Raya tak ada langsong perkara ini di-mashhorkan dan yang di-gigit anjing saya tahu memang banyak dan biasa-nya yang di-gigit itu dapat perlindongan daripada pekerja² Pejabat Pos dan ada barang kali masa-nya orang yang kena gigit balek hendak gigit anjing pula. Jadi saya minta supaya Kementerian yang berkenaan memashhorkan perkara ini supaya di-ketahuï oleh tiap² sa-orang pekerja, pegawai² daripada ketiga² Pejabat ini mendapat perlindongan dan layanan yang sama.

Enche' Abdul Samad bin Osman: Boleh-kah saya tahu daripada Menteri yang berkenaan berapa orang-kah yang telah di-gigit anjing jadi gila.

Dato' V. T. Sambanthan: Di-dalam Kementerian Kesihatan.

LEGISLATION FOR TERMS AND CONDITIONS OF SERVICE FOR MOTOR-CAR DRIVERS

3. Enche' Saidon bin Kechut bertanya kapada Menteri Buroh ada-kah Kerajaan akan menimbangkan hendak membuat undang² mengenaï sharat² dan peratoran² perkhidmatan bagi pemandu² motokar.

The Minister of Labour (Enche' V. Manickavasagam): Mr President, Sir, as far as I am aware, the terms of contract of service of motor-car drivers are not unfavourable as compared with other workers.

It is the policy of the Government to encourage workers and employers to negotiate for terms and conditions of service which are mutually acceptable to both parties and, as such, the Government does not consider it necessary to bring in any legislation.

Enche' Saidon bin Kechut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya di-dalam perkara kedudokan pemandu² kereta ini atau driver ini saya maksudkan kapada tiga bahagian ia-itu driver yang bekerja di-pejabat² Kerajaan, driver² yang bekerja di-kompani² awam dan juga driver² yang bekerja dengan majikan persaorangan. Memandangkan ramai jumlah-nya pemandu² kereta yang ada di-Persekutuan Malaysia ini yang boleh kita katakan satu daripada gulongan masharakat yang hidup dengan sumbar pencharian menjadi pemandu kereta, maka masharakat ini boleh kita katakan tidak ada langsong dapat perhatian daripada pehak² yang bertanggong-jawab terutama daripada Kerajaan kita sendiri dari segi beberapa lapangan pekerjaan mereka ia-itu dari segi pekerjaan-nya, dari segi pendapatan-nya dan dari segi keadaan mengatasi soal hidup-nya. Saya katakan beberapa perkara yang menindas dan juga tindakan² yang telah berlaku di-alami oleh pemandu² kereta ini . . .

Mr President: Awak membahathkan soal ini.

Enche' Saidon bin Kechut: Minta ma'af, Tuan Yang di-Pertua. Maksud saya dari soal layanan bekerja dan tambahan kapada kebaikan kedudokan gaji dan atau pun layanan² yang lain yang di-dapati oleh pekerja² lain, sekian-lah, Tuan Yang di-Pertua.

Enche' V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang di-sebutkan tadi oleh Yang Berhormat itu ia-lah satu *statement,* jadi saya tidak boleh menjawab-nya.

DECLARATION OF 1964 AS "FRUIT YEAR"

4. Enche' Abdul Samad bin Osman bertanya kapada Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama apa-kah sebab² di-ishtiharkan tahun 1964 sa-bagai tahun buah-buahan.

The Assistant Minister of Agriculture and Co-operative (Enche' Sulaiman bin Bulon): Tuan Yang di-Pertua, tahun 1964 telah di-ishtiharkan sa-bagai tahun buah-buahan untok menarek perhatian orang ramai terhadap kepentingan buah-buahan tempatan sa-bagai sumbar makanan yang kaya dan juga sa-bagai sumbar pendapatan dari petani² kita. Dalam tahun 1963, negeri ini telah memasokkan buah-buahan kering dan basah dari luar negeri berjumlah sa-banyak $16.5 juta dan ini telah menghilangkan pertukaran mata wang luar—foreign exchange negeri ini. Di-samping kerugian pertukaran mata wang luar, wang yang di-gunakan untok memasokkan buah-buahan di-luar negeri itu sa-patut-nya boleh di-dapati oleh petani² kita yang demikian dapat-lah di-pertinggikan taraf hidup mereka. Dengan perishtiharan tahun buah-buahan itu maka dapat-lah kita menarek perhatian orang ramai kapada sumbar² yang luas yang boleh di-dapati di-negeri ini bagi memajukan perusahaan² menanam buah-buahan dan dengan sendiri-nya pula tahun buah-buahan itu boleh di-jadikan permulaan ka-arah menchapai tujuan ini.

Dato' Haji Mohd. Noah bin Omar: Soalan tambahan. Di-dalam soal ini ada menyebutkan tahun buah-buahan sa-bagai tahun 1964 ini. Jikalau satu masa dalam satu tahun itu tidak banyak buah-buahan apa-kah nama-nya hendak di-namakan tahun itu (*Ketawa*). Kita tahu kalau musim hujan, kita kata musim hujan, bila tidak ada hujan kita kata musim kemarau; jadi tidak ada hujan musim kemarau; ini jikalau satu masa satu tahun besok tidak ada buah-buahan banyak, apa-kah yang hendak di-ishtiharkan oleh Kementerian ini?

Enche' Sulaiman bin Bulon: Tuan Yang di-Pertua, sa-rupa itu-lah juga tetapi kurang-lah buah-buahan itu dapat di-tunjokkan.

Enche' Abdul Samad bin Osman: Soalan tambahan. Kenapa-kah Kementerian ishtiharkan tahun buah-buahan ini terlambat bulan August. Lazim-nya kalau kita ishtiharkan mula tahun-lah, kenapa-kah habis tahun buah-buahan hendak di-ishtiharkan tahun buah-buahan.

Enche' Sulaiman bin Bulon: Oleh sebab mula² atau pun julong² kali-nya mengadakan perubahan yang sa-umpama ini dan keadaan telah tidak dapat di-elakkan kerana sa-patut-nya mengikut musim buah-buahan tetapi oleh kerana hendak mengadakan juga tahun ini sa-bagai tahun buah-buahan maka terpaksa-lah terlewat di-adakan perishtiharan yang saperti itu.

Enche' Abdul Samad bin Osman: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Menteri tahu bahawa tahun 1964 ini ia-lah tahun buah-buahan yang tidak elok sa-kali. Kalau dia tahu, kenapa-kah di-ishtiharkan tahun buah-buahan dalam tahun ini buah tidak elok, kalau tidak di-fikirkan tidak patut, tidak boleh-lah di-postponekan sampai tahun yang elok pula.

Enche' Sulaiman bin Bulon: Tuan Yang di-Pertua, kalau-lah kita memikirkan tahun elok sahaja mengadakan tahun buah-buahan tidak ma'ana-lah kita hendak menggalakkan tahun buah-buahan di-negara kita ini.

Enche' S. O. K. Ubaidulla: Soalan tambahan. Tahun buah-buahan ini ada-kah dapat akibat saperti memasokkan buahan² dari luar negeri

jadi kurang; kalau sudah kurang berapa-kah jumlah wang-nya.

Enche' Sulaiman bin Bulon: Tuan Yang di-Pertua, tidak-lah dapat kita menunjokkan angka² sa-rupa itu tetapi sa-kira-nya di-minta dalam soal lain agak boleh di-berikan kenyataan.

Enche' Abdul Samad bin Osman: Soalan tambahan. Boleh-kah Menteri tahu kenapa-kah buah-buahan jadi kurang dalam tahun 1964. Apa-kah *factor-nya* membawa buahan² itu kurang dalam tahun 1964, ini kalau tidak itu apa.

Enche' Sulaiman bin Bulon: Tuan Yang di-Pertua, soal ini juga berkehendakkan pemberitahu terlebeh dahulu sebab ini perkara teknik, saya sendiri tidak boleh hendak menjawab.

PLAN TO INCREASE RICE CULTIVATION IN SABAH AND SARAWAK

5. Enche' Abdul Samad bin Osman bertanya kapada Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama ada-kah apa² ranchangan hendak menambah tanaman padi di-Sabah dan Sarawak kerana negeri kita sekarang ini kekurangan beras, jika tidak ada apa² ranchangan, mengapa.

Enche' Sulaiman bin Bulon: Tuan Yang di-Pertua, Ranchangan² Pertanian di-Sabah dan di-Sarawak adalah di-jalankan oleh kedua² buah negeri itu sendiri. Bagaimana pun, dasar pertanian kedua² buah negeri ini, saperti juga di-Malaya, ia-lah untok memesat dan meninggikan pengeluaran bahan² makanan, terutama sa-kali beras.

Enche' Abdul Samad bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya bertanya ada-kah apa² ranchangan yang di-buat untok menambah tanaman padi; kalau tidak ada, mengapa? Jawab-nya ada. Tetapi saya fikir oleh sebab sunggoh pun Sabah dan Sarawak satu negeri sangat-lah elok jika Kementerian sendiri membuat ranchangan² yang besar supaya . . . . .

Mr President: Nampak-nya tuan membahathkan perkara itu, bukan hendak menyoal.

PLANTING OF COCOA IN SABAH OR SARAWAK

6. Enche' Abdul Samad bin Osman: bertanya kapada Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama sudah-kah di-jalankan apa² perchubaan hendak menanam "cocoa" di-Sabah atau Sarawak, jika tidak, mengapa tidak.

Enche' Sulaiman bin Bulon: Tuan Yang di-Pertua, penanaman "cocoa" telah di-jalankan di-Sabah dengan jaya-nya dan penanaman sa-chara besaran² ada-lah sedang di-usahakan. Sa-takat yang di-ketahui sekarang ini keadaan tanah di-Sarawak mungkin tidak bagitu sa-suai saperti di-Sabah untok penanaman "cocoa".

Enche' Abdul Samad bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, sudah-kah di-adakan research atas tanaman "cocoa" di-Sabah dan Sarawak; kalau ada, sudah berapa tahun di-mulakan?

Enche' Sulaiman bin Bulon: Soal itu juga tidak dapat hendak di-jawab, sebab Sabah dan Sarawak baharu sahaja masok Malaysia. Jadi perkara di-Sabah dan di-Sarawak ada-lah berlainan dengan apa yang di-jalankan di-Malaya ini dan lagi soalan² teknikal patut di-buat awal dan lebeh dahulu untok di-kaji.

Dato' Haji Mohamed Noah bin Omar: Saya mendengar tadi Menteri Muda berkata tanah di-Sabah ada lebeh sa-suai dan lebeh menasabah di-tanam "cocoa" daripada tanah di-Sarawak. Ada-kah bagitu atau sa-balek-nya? Di-Sarawak lebeh baik daripada Sabah, saya tidak berapa terang tentang itu.

Enche' Sulaiman bin Bulon: Di-Sabah ada lebeh baik daripada Sarawak, sebab ada satu kompeni yang telah menjalankan perusahaan itu dengan besaran², itu menunjokkan di-Sabah ada lebeh baik daripada Sarawak.

Dato' Haji Mohamed Noah bin Omar: Saya hendak tanya sudah-kah di-siasat dan di-pereksa tanah di-Sarawak sama ada menasabah di-tanam "cocoa" atau tidak atau sa-suai boleh di-tanam "cocoa" sa-bagaimana di-Sabah juga.

Enche' Sulaiman bin Bulon: Oleh sebab, Tuan Yang di-Pertua, menjadi tujuan besar pada Kementerian ini mungkin Kementerian akan menyiasat perkara itu lebeh² lagi.

Enche' Abdul Samad bin Osman: Soalan tambahan. Bagaimana Menteri tahu tanah di-Sabah lebeh sa-suai daripada Sarawak, bila saya tanya tentang research tadi jawab-nya tidak ada dan baharu hendak mulakan, bagaimana tahu?

Enche' Sulaiman bin Bulon: Itu mungkin dapat di-ketahuï manakala satu kompeni yang telah menjalankan perusahaan yang saperti itu.

Enche' Abdul Samad bin Osman: Soalan tambahan. Saya fikir sa-bagai Menteri Pertanian kita mahu pegang satu *practical*. Kita tidak boleh menurut satu kompeni atas pendapat kompeni itu, kerana kita menjaga satu negeri yang besar, ma'ana-nya kita kena buat own research sendiri.

Mr Speaker: Nampak-nya tuan membahathkan perkara itu lagi. (*Ketawa*).

MOTION

LEAVE OF ABSENCE OF MEMBERS—APPROVAL BY THE PRESIDENT

Dato' T. H. Tan: Mr President, Sir, I beg to move,

That this House resolves that the leave of this House under Article 52 of the Constitution shall be given to, and may be signified by Mr President in the case of, any Member of this House whose absence from its sittings for a period of six months or more has been approved by Mr President, provided that Mr President shall report to the House the name of every Member to whom such leave has been given.

Mr President, Sir, under Article 52 of the Constitution this House may declare the seat of a Member vacant if two conditions are fulfilled: first, that the Member is absent without leave of this House for a period of six months, and second, if the House passes a resolution declaring the seat of such a Member to be vacant.

The normal method by which this House expresses its views is of course, Sir, by means of a resolution. In the case of the granting of leave of absence, however, such a method is extremely cumbersome, and it is accordingly proposed, by the motion now before the House, that Mr President shall be empowered to give leave to a Member, provided that he makes a due report of this at the next sitting of the House.

Now, Sir, this motion will not, if adopted, imply that a Member obtaining the leave of Mr President may not have his seat declared vacant, for the power to do this rests under the Constitution with this House, and with no other authority. It will, however, enable a Member to obtain an early reply to a request for leave of absence for six months or more; and only if Mr President is unwilling to give such leave on behalf of the House will there be any likelihood of a formal resolution being brought before the House: for Article 52 does not, as I have indicated, automatically create a vacancy.

The practice in various Parliaments in the world varies. I venture to suggest that this House is prepared to rely on your good sense and discretion in this matter, subject to the House being duly informed of the absence of Members from its deliberations. This House is prepared to leave this matter in your good hands, Sir.

This is essentially, therefore, a motion designed to facilitate the prompt despatch of the affairs of the House, and therefore it is a business motion; and as such, Sir, I commend it for adoption by this House.

Dato' Y. T. Lee: Yang di-Pertua, saya menyokong.

Dato' Sheikh Abu Bakar bin Yahya: Honourable Dato' President, Sir, I rise to support the motion by the Honourable Dato' Tan just now, and I congratulate him. However, Sir, in my humble opinion, there is one small point regarding the motion itself, and this has not been stated by him just now. In the motion itself, it is not mentioned when the President should report to the House the name of the Member to whom leave has been given. For instance, the President has given Mr A leave for six months. He need not

report this to the House till, say, at the very last day of the six months. Members of the House may ask themselves what has happened to Mr A. The President may keep quiet till the last day of the six months, when he may address the House, stating "I have given Mr A six months leave." This is the small point which I would like to amend, Sir, though as stated by the Honourable Dato' just now, the President should inform the House of this at the next meeting of the Senate. However, Sir, I am a member of the Alliance, and so is the Honourable Dato' Tan, and therefore I have no strong desire to amend the motion, unless the Dato' agrees and the Dato' himself can make an amendment under Standing Order 29 (1) of the Senate. Thank you, Sir.

Dato' T. H. Tan: Mr President, Sir, exercising my right of reply, I think my statement was quite clear. It is that the President reports to the House at its sitting and that implies the first sitting immediately following the granting of such leave of absence.

Dato' Sheikh Abu Bakar bin Yahya: But that is not stated in the motion, Sir. That is my point.

Question put, and agreed to.

Resolved,

That this House resolves that the leave of this House under Article 52 of the Constitution shall be given to, and may be signified by Mr President in the case of, any Member of this House whose absence from its sittings for a period of six months or more has been approved by Mr President, provided that Mr President shall report to the House the name of every Member to whom such leave has been given.

BILLS

THE SUPPLEMENTARY SUPPLY (1964) BILL

Second Reading

Dato' T. H. Tan: Mr President, Sir, I beg to move that a Bill intituled "an Act to apply sums out of the Consolidated Fund for additional expenditure for the service of the year 1964 and to appropriate such sums for certain purposes" be read a second time.

In doing so, Sir, I wish to call the attention of the Honourable Senators to the following items of expenditure enumerated in the Bill:

Defence	$13,957,597
Police	8,816,305
Civil Defence—and this is a new item	2,352,119

making a total of just about $25 million. These additional items of expenditure, I believe, Sir, have been necessitated by Indonesian confrontation and they indicate the increased call on public funds in order to prepare ourselves to meet the enemy.

A few days ago, Mr President, Sir, after the Conference of Rulers, it was announced that His Majesty the Yang di-Pertuan Agong, Their Highnesses the Rulers and Their Excellencies the Governors have decided to contribute $1,000 each to the National Defence Fund to be started soon. It is my honour and privilege to announce that the Members of the Senate have unanimously decided to follow the example set by Their Highnesses and Their Excellencies. (*Applause*). We, the Senators, Sir, will each contribute $500 to the proposed National Defence Fund. This is a small gesture of our loyalty. Many of us, Sir, are already serving in the voluntary services and in the Vigilante Corps. If and when the need arises, we shall be very happy to shoulder arms in defence of our King and country.

Dato' Y. T. Lee: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Enche' Tan Siew Sin: Mr President, Sir, before I start on the Supplementary Supply Bill proper, I would like, on behalf of the Government and myself, to express our very deep appreciation of this magnificent gesture of loyalty and patriotism which has just been announced by my Honourable friend Dato' T. H. Tan. We have always in private conversation referred to our Senators as their "Lordships"; and I think it is, therefore, extremely appropriate that the "Lorships" of Malaysia have shown such a sterling example. Let us hope that this example will shortly be followed by other groups and bodies throughout the country.

Sir, Clause 2 of the Bill seeks authority for an additional expenditure of $186,303,778 for the service of the year 1964 and this is shown in the Schedule to the Bill and also in the Supply Expenditure section of the Second Supplementary Estimates of Expenditure, 1964, which has been circulated to Honourable Members as Command Paper No. 28 of 1964.

The original Estimates approved by Parliament for 1964 amounted to $1,469.9 million. Taking into account the previous Supplementary Estimates already approved by Parliament in July last and the Second Supplement now required, the total appropriation for 1964 will come to $1,695.6 million. Of the supplement of $186 million presently required, a sum of $27.8 million has already been advanced from the Contingencies Fund to meet urgent expenditure and this has now to be recouped.

Although the present supplement appears to be very large, $150 million of the $186 million sought is required for transfer to the Development Fund. This amount is the same as that for last year and represents the use of our reserve balances for development expenditure as envisaged in the Second Five-Year Plan. Apart from this, the other big items of expenditure required involve ten Heads of expenditure. Head S. 1, Parliament, requires a supplement of $353,630 to meet the increased cost of administration and of running Parliament House, as well as additional expenses in connection with the meetings of Parliament and Parliamentary Committees. The Ministry of Defence—Head S. 14—needs $13.96 million, of which the Local Defence Corps of the Territorial Army requires $11.6 million, National Service $1.2 million and emergency accommodation for Malaysian troops in the Borneo States $1.16 million. The Ministry of Home Affairs—Head S. 72—seeks a supplement of $1.2 million for the purpose of meeting additional security expenditure in the Borneo States. The Royal Malaysia Police—Heads S. 40, S. 65M, S. 66R, S. 67T—seeks a supplement of $8.8 million, of which a sum of $4.5 million is required mainly for the Secret Service, payment of subsistence allowances for all ranks of the Police Field Force in the Borneo States and for operational equipment. The increase in the establishment of the Sabah and Sarawak components of the Royal Malaysia Police and the annually recurrent and special expenditure connected therewith require the sums of $1.5 million and $2.8 million respectively. Civil Defence—Head S. 75—requires a supplement of $2.35 million to meet the cost of expanding the local defence organisations in Malaya and the other component States of Malaysia. The Ministry of External Affairs—Head S. 16—seeks a supplement of $1.13 million to meet the expenses incurred in connection with His Majesty's visit to Japan, the Prime Minister's attendance at the Commonwealth Prime Ministers' Conference in London, the Tripartite Foreign Ministers' and Summit Meetings in Japan, the Goodwill Mission to Africa and telegram charges incurred as a result of urgent directives being transmitted to and from Missions overseas during these busy periods of negotiation. A sum of $626,000 is required by the Ministry of Information and Broadcasting and the Departments under it—Heads S. 25, S. 26, S. 28, S. 66H, S. 67K, S. 67L—for the purpose of stepping up information services in Malaya and the Borneo States and of augmenting Psychological Warfare operations in the Borneo States.

There are also contributions to certain statutory funds as well as other supplements which are relatively small in amount, and these are described fairly fully in the Treasury Memorandum which has been circulated to Honourable Members as Command Paper No. 29 of 1964.

Enche' Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di-Pertua, sa-belum daripada saya masok membahathkan Bil ini, lebeh dahulu saya sukachita hendak menyatakan sokongan sa-kuat[2]-nya kapada usul yang di-kemukakan oleh Dato' T. H. Tan mengenaï tentang kerelaan dan persediaan Ahli[2] Dewan Negara untok memberi derma sa-bulan kapada kepentingan Pertahanan Negara ini.

Saya menyokong usul ini dengan sa-kuat²-nya bukan-lah kerana satu kebetulan, tetapi ini ada-lah hakikat saperti yang telah pernah kita ulangkan menyebut di-dalam Dewan ini betapa penting-nya pertahanan negara ini, dan betapa penting-nya mempertahankan kedaulatan dan Perlembagaan negara, maka itu-lah sebab-nya saya mengambil peluang untok menyatakan sokongan dengan sa-kuat²-nya dengan harapan bahawa apa yang telah di-buat oleh Ahli Dewan Negara ini sadikit sa-banyak telah dapat menjadi sumbang kapada negara kita yang sedang di-pertahankan daripada usaha² penchabulan luar dan dalam bagi di-khianati dan di-hanchorkan oleh negara luar itu.

Tuan Yang di-Pertua, masaalah di-hadapan kita mengenaï Tambahan Perbelanjaan untok tahun 1964. Saya berpendapat bahawa sudah sa-mesti-nya-lah Dewan ini meluluskan tuntutan² Kerajaan bagi menunaikan perbelanjaan yang belum di-bayar dengan tugas² yang di-jalankan di-negara kita bagi kepentingan kita semua. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimana pun saya sukachita hendak menyentoh beberapa perkara yang saya pandang perlu di-ambil perhatian oleh pehak Kerajaan terhadap masaalah yang terjadi dalam negara kita dan di-mana² perbelanjaan kerana-nya kita telah bayar.

Parlimen Malaysia, Tuan Yang di-Pertua, sampai hari ini maseh merupakan satu Parlimen tidak 100% demokrasi, sa-kali pun kita telah buat dan kita lakukan melaluï saloran apa yang di-katakan demokrasi tetapi maseh ada sa-bahagian anggota² Dewan Ra'ayat belum lagi di-pileh sa-chara langsong oleh ra'ayat dalam negara Malaysia ini. Dan ini perlu Kerajaan mengambil perhatian supaya satu Pilehan Raya segera di-adakan di-Sarawak, Sabah dan di-Singapura supaya boleh wujud satu barisan Ahli Parlimen yang betul² telah terpileh oleh ra'ayat mewakili kepentingan ra'ayat di-dalam negara. Kerajaan sampai sa'at yang akhir tidak pernah menyebut atau mengatakan perubahan ini, saya katakan ini kerana saya ingin mendengar, kalau tidak dapat di-laksanakan, biar-lah, tetapi saya ingin mendengar bahawa Kerajaan berminat untok melaksanakan itu bagi menyempurnakan hakikat demokrasi, tetapi Kerajaan tidak ragu² dalam menambah Ahli² Dewan Negara bagi perkembangan demokrasi berparlimen. Sakira-nya spirit Perlembagaan yang asal, Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu dan kemudian Malaysia, yang spirit-nya itu menunjokkan bahawa Ahli² Dewan Negara itu boleh di-buat perubahan oleh Parlimen membolehkan di-pileh lebeh banyak oleh Negeri², tetapi itu tidak jadi merusut spirit Perlembagaan.

Kerajaan meminda Undang² menerima Ahli² Dewan Negara lebeh ramai daripada yang di-datangkan dari negeri². Ini semua-nya, Tuan Yang di-Pertua, bagi perkembangan negara kita yang baharu, bukan sahaja kita melihat dan bukan sahaja apa yang kita buat dalam negara kita ini menjadikan sejarah yang akan menjadi perhatian orang² yang akan datang, tetapi di-sa'at ini juga dunia memerhatikan perkembangan negara muda di-Asia Tenggara ini dengan penoh teliti bagaimana perkembangan²-nya. Apa-tah lagi dengan ada-nya gerakan lawatan yang memburokkan negara Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, itu-lah sebab-nya saya menarek perhatian supaya Kerajaan berhati² dan segera bertindak bagi menyelesaikan masaalah ini, khusus-nya masaalah Pilehan Raya bagi negeri² baharu yang berchantum di-dalam Malaysia saperti Sarawak dan Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukachita hendak menyentoh soal Museum, sebab Museum telah masok juga dalam Bil ini, meminta sa-bahagian wang untok tambahan perbelanjaan. Saya suka hendak menyentoh kerana dalam perbahathan tahun² yang lalu, pernah saya menyebutkan dalam Dewan ini Kerajaan Persekutuan sa-patut-nya-lah membuat perhubongan dan tuntutan kapada Kerajaan² penjajah jika ada supaya di-kembalikan sa-suatu hak kepunyaan negeri ini dapat kita tempatkan kembali dalam rumah Museum kita. Tetapi Kerajaan tidak pernah menchuba untok mendapatkan kembali sa-suatu yang telah di-rampas daripada negeri kita

oleh penjajahan Barat dari negeri ini sa-hingga kita pada suatu ketika merasa panas telinga mendengar ada gulongan² yang mengatakan bahawa Melayu sa-bagai tuan punya yang asli bagi negeri ini telah di-katakan sa-bagai suatu bangsa yang tidak mempunyaï kebudayaan, dan kalau tidak dapat kita kembalikan hak² kita itu, yang bersejarah, yang telah di-rampas oleh perompak² Barat, maka sudah tentu-lah kita kehilangan besar dari segi perkembangan kebudayaan dan nilai bangsa kita sendiri. Sebab itu sa-kira-nya Kerajaan dapat bertindak menchuba sa-boleh²-nya mendapatkan kembali sa-suatu yang mengenaï sejarah negara kita daripada Museum², sama ada di-England, Belanda atau Portugis, supaya kita isikan kembali dalam Museum kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan perbelanjaan juga di-minta oleh beberapa Kementerian, tetapi saya tidak suka hendak menyentoh dalam Bil ini, sebab maseh boleh kita berchakap dalam Bil yang akan datang. Saya berchakap dalam beberapa perkara yang telah di-jalankan yang saya lihat tidak bagitu di-ambil berat oleh Kerajaan di-dalam sa-tengah² perkara. Masaalah yang di-dalam External Affairs, dalam perkara luar negeri, Kerajaan telah chuba untok memperkenalkan Malaysia kapada dunia, tetapi Kerajaan telah menghantar salah orang mengirim satu rombongan ka-negeri Afrika yang di-ketuaï oleh Lee Kuan Yew, Perdana Menteri Singapura. Kita lebeh dapat melihat bahawa beliau yang nampak-nya lebeh memperkenalkan diri beliau sendiri daripada Malaysia itu sendiri. Kesan-nya itu, Tuan Yang di-Pertua, sangat kurang orang yang memberi perhatian kapada negara kita, oleh itu kalau tidak dapat lagi Duta² yang chukup, beberapa rombongan lagi perlu di-kirimkan, tetapi biar-lah "the right man" untok mengemukakan dan mengketengahkan serta memperkenalkan Malaysia di-luar negeri dengan chara yang paling tepat untok kepentingan Malaysia sendiri.

Saya bimbang, Tuan Yang di-Pertua, di-dalam sa'at ini, sa'at kita membacha berita² surat khabar perubahan politik di-England tidak dapat tidak akan berlaku dengan ada-nya perubahan Kerajaan dari Conservative kapada Labour Party. Sa-buah Kerajaan Socialist barangkali Favian Socialist telah wujud di-England dan akan memerentah dengan chara socialist. Perubahan yang wujud di-Russia saperti biasa tidak-lah luar biasa, kita ketahuï apa yang berlaku di-Kremlin tetapi kesan-nya tentu-lah ada kapada perkembangan dunia dan kita juga akan terlibat di-dalam-nya. Perubahan di-Kremlin dengan penyingkiran Khrushev sa-orang kominis yang dapat kita ikuti sa-lama ini sa-bagai sa-orang yang ingin kapada perdamaian dan hidup bersama kapada sa-orang yang entah bagaimana-kah keadaan-nya tetapi dapat kita duga mungkin pehak Russia lebeh suka memusohi sa-orang sahaja saperti Khrushev daripada merenggangkan 600 juta lebeh Communist China maka kerana itu mereka itu sanggup menyingkirkan Khrushev bagi kepentingan penyatuan dan perpaduan kominis ini sendiri dan ini ada-lah gejala² yang burok bagi dunia termasok juga kita.

Tuan Yang di-Pertua, kejadian di-England satu kejadian yang telah di-hasilkan dalam sa-buah demokrasi yang benar. Kita perchaya pilehan raya yang telah berjalan di-England tidak-lah saperti pilehan raya yang telah di-jalankan di-tanah ayer kita ini. Kalau pilehan raya di-tanah ayer kita ini berjalan dengan pemerentah terpaksa menggunakan polis untok menangkap orang² lebeh dahulu supaya dengan itu dapat menguntongkan politik pemerentah dan kalau perlu saperti yang telah terjadi dalam pilehan raya negeri kita, mata² tentu dengan pemerentah tidak memakai nombor-nya lagi di-dada supaya bebas sa-wenang²-nya melakukan tindakan mengugut ra'ayat, tentu-lah perkara sa-macham ini tidak berlaku di-England dan pilehan raya di-England itu kita perchaya berseh tidak churang dan telah menghasilkan suatu kemenangan kapada Parti Buroh membawa mereka kapada kedudokan berkuasa di-England pada hari ini. Dengan wujud-nya Parti Buroh memerentah di-England siang² lagi Enche' Lee Kuan Yew telah

menghantar telegram taniah dan Kerajaan kita belum lagi kechuali pernyataan daripada Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman menyatakan, "bahawa siapa pun yang memerentah di-England saya perchaya perhubongan antara England dengan Malaysia akan kekal saperti biasa". Saya tidak mahu perchaya bahawa perubahan tidak akan datang; perubahan yang telah berlaku di-England itu kerana system pemerentah yang di-jalankan oleh Party Socialist maka sudah tentu perubahan akan ada dan Kerajaan Pusat hendaklah berchermat dalam menentukan sikap-nya ka-dalam dan ka-luar dalam menghadapi perkembangan² yang mesti datang.

Tuan Yang di-Pertua, pada 'am-nya Kerajaan telah membelanjakan wang dan Kerajaan tidak gentar membelanjakan wang dan kita tentu-lah sama² gembira, walau bagaimana sa-kali pun kerana keselamatan negara kita. Dan sa-kali pun kita sedar Yang Berhormat Menteri Kewangan sa-kembali-nya dari Tokyo telah membuat kenyataan kapada akhbar di-Singapura tentang anchaman terhadap negara kita ini, tentang kewangan tentu-lah sa-banyak sadikit di-kesankan daripada ada-nya konfrantasi dan pertahanan terpaksa kita lakukan. Saya tidak kechiwa kalau kita membelanjakan sa-bahagian daripada hasil negara kita untok pertahanan. Saya kira perlu mengajak ra'ayat mengikat perut bagi kepentingan pertahanan negara kita ini sebab saya telah katakan bahawa kita akan menghadapi anchaman perkembangan yang lebeh besar daripada konfrantasi Indonesia ia-itu perkembangan daripada Communist China. Bukan sahaja Malaysia berasa terancham, Burma, Vietnam, Thailand dan lain² lagi, juga terancham, dan kita sedar, Australia dan New Zealand sedar, mengapa mereka sanggup mempertarohkan tentera² mereka di-sini bagi mempertahankan negara Australia dan New Zealand, biar pemuda² mereka mati di-luar tanah ayer—jauh daripada tanah ayer kerana mempertahankan negara mereka, itu kita sedar. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, pertahanan satu perkara yang penting yang tidak pernah siapa pun merasa kesal kapada negara kita membelanjakan sadikit wang atau lebeh banyak wang bagi kepentingan negara kita ini. Tetapi kewangan kita itu dari sumber yang sa-lama ini kita harapkan sudah di-rasaï oleh Menteri Kewangan akan merusut.

Saya nampak satu jalan bagi kita sekarang ini untok mengatasi sadikit sa-banyak masaalah kewangan tetapi ini tidak pernah di-lakukan oleh Kerajaan Pusat—Kerajaan Perikatan yang memerentah. Saya sedar di-dalam negeri kita ini ada berjuta² ekar tanah yang di-mileki oleh Sharikat² Barat—Sharikat² daripada kulit puteh yang mereka telah dapati daripada kita, hasil daripada perjanjian² di-masa kita di-dalam penjajahan dan saya perchaya Ahli² Yang Berhormat Dewan ini sa-pendapat dengan saya bahawa perjanjian ini—oleh penjajah dengan negeri ini yang dahulu masa jajahan-nya ada-lah perjanjian yang tidak adil dan berat sa-belah. Sahingga itu-lah ada tanah² yang di-pajak sa-hingga 999 tahun, ada tanah² yang di-pajak sa-lagi ada mata hari dan bulan. Ada tanah² hanya di-kehendaki di-bayar 10 sen, 20 sen atau 50 sen satu ekar kapada Kerajaan, pada hal ra'ayat negeri ini mesti membayar sampai $5 sa-ekar kapada Kerajaan hasil tanah-nya sa-tahun. Semua perjanjian² ini yang telah di-lakukan oleh penjajah sa-waktu mereka menjajah kita ada-lah sa-chara tidak 'adil dan berat sa-belah tetapi malang-nya Perlembagaan kita, perjanjian yang telah kita lakukan sabagai upah kemerdekaan—upah pemberian kemerdekaan Inggeris kapada kita menentukan bahawa semua perjanjian² yang telah di-buat oleh Kerajaan ini dengan Negeri² Melayu dan yang di-buat oleh Kerajaan Inggeris bagi pehak Negeri² Melayu ada-lah kekal di-pakai dan tidak boleh di-batalkan—itu ada-lah yang tertulis. Tetapi perjanjian itu bersetuju memberi kemerdekaan yang menchatitkan sharat yang bagitu hina kapada kita telah di-lakukan sa-waktu kita mengemis² daripada Inggeris dari muka pintu nombor 10 Downing Street minta kemerdekaan tetapi sa-waktu itu kita tidak berani menentang hingga melaluï

pintu penjara, kita hanya sanggup mengemis dari Inggeris melaluï pintu nombor 10 Downing Street. Kita telah di-kenakan sharat² termasok sharat tentera² asing mesti ada di-negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang kita telah merdeka, sekarang kita telah di-tudoh neo-colonial oleh orang lain dan kita mesti-lah membuktikan kapada dunia bahawa kita bukan neo-colonial. Kebetulan dengan ada-nya wujud Kerajaan Parti Buroh di-England, Kerajaan yang berdasarkan socialism, sama rata dan tidak ingin penindasan serta pemerasan, saya rasa sudah-lah menasabah bagi Kerajaan Persekutuan chuba menimbulkan dan meninjau kembali perkara itu dari segi kepentingan nasional kita supaya semua perkara yang mengenaï tanah² yang telah di-pajak dengan chara yang tidak 'adil daripada negara kita ini di-selesaikan kembali.

Tuan Yang di-Pertua, saya perchaya kalau Kerajaan Persekutuan dengan chara yang bersunggoh² mengemukakan perkara ini kapada Kerajaan Parti Buroh yang memerentah England sekarang ini akan dapat menimbangkan dan dapat menyelesaikan masaalah ini. Apa salah-nya kalau tiap² estate di-negeri ini kita kenakan chukai sampai $3.00 sa-ekar tanah, maka dengan itu akan menolong negara ini dalam soal kewangan yang sudah nampak sadikit kekurangan oleh beberapa sebab yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu-lah perkara yang saya chuba menyentoh dalam perbahathan tentang Rang Undang² Perbekalan Tambahan (1964) dan perkara lain dalam soal finance saya akan sentoh banyak apabila kita sampai kapada soal Rang Undang² Kumpulan Wang Negara.

Tuan Yang di-Pertua, sa-perkara lagi yang saya hendak sentoh dalam perkara ini ia-lah soal orang asli. Walau pun Kerajaan ada juga menyebut perkara ini, tetapi saya tidak tahu sa-banyak mana Kerajaan telah bekerja betul² bagi kepentingan orang asli. Saya sebutkan orang asli dengan sangat kesal, sebab bagi saya orang Melayu ada-lah orang asli dan orang Sakai juga ada-lah orang asli, mereka ia-lah Proto-Malay, tetapi keadaan telah menyebutkan orang asli itu bukan Melayu rupa-nya.

Tuan Yang di-Pertua, saya katakan Kerajaan telah membelanjakan banyak wang untok kepentingan orang asli, tetapi apa yang di-buat-nya kita belum puas hati dan belum lagi kita rasa satu perbuatan yang patut. Saperti yang akhir ini kira² 10 hari yang lalu saya dapat tahu, dua tiga orang asli di-Ulu Kelantan membawa sa-orang perempuan tua orang asli telah bertemu dengan sa-kumpulan orang yang masok ka-dalam hutan. Orang tua itu dengan keadaan uzor, tetapi senyum² menyatakan yang dia pergi untok mati, erti-nya orang² muda ini membawa sa-orang perempuan tua orang asli hendak di-tinggalkan di-tengah hutan yang tidak di-diami orang untok di-biarkan dia mati. Bila saya dengar cherita ini daripada orang yang menyaksikan-nya sendiri, maka teringat-lah saya kapada kesah orang Eskimo. Orang Eskimo juga bila perempuan tua dan orang tua yang sudah tidak sanggup menchari dan membuat sa-suatu dia di-tinggalkan di-suatu tempat yang tidak di-diami orang supaya dia di-makan oleh binatang beruang dan sa-bagai-nya dan mati-lah dia dengan chara bagitu. Rupa-nya dalam tanah ayer kita ini ada kejadian yang saperti di-Eskimo itu. Manusia yang hidup biar dia orang asli atau tidak orang asli dia ada-lah manusia yang harus mendapat perlindongan dari segi peri kemanusiaan di-biarkan oleh Kerajaan kita yang ada Pejabat Orang Asli di-bawa untok pergi mati.

Jadi ini satu perkara yang sangat kechiwa. Saya tidak tahu mengapa wang di-beri kapada pejabat ini, pada hal dia tidak membuat sa-suatu apa juga, baik dari segi kebajikan orang asli mahu pun dari segi kemanusiaan. Sa-kian-lah, Tuan Yang di-Pertua.

The Assistant Minister of National and Rural Development and Assistant Minister of Justice (Enche' Abdul-Rahman bin Ya'kub): Tuan Yang

di-Pertua, ada dua tiga perkara yang hendak saya jawabkan mengenaï soalan² yang telah di-timbulkan oleh Yang Berhormat Senator dari Kelantan itu tadi. Pertama sa-kali Yang Berhormat Senator itu menerangkan bahawa sunggoh pun kita dalam negeri Malaysia ini perchaya kapada pemerentahan demokerasi berparlimen, tetapi sa-balek-nya belum 100 peratus lagi menurut peratoran² demokerasi. Yang Berhormat itu telah menggunakan pemilehan Ahli² Yang Berhormat ka-Dewan Ra'ayat daripada Sarawak dan Sabah sa-bagai bukti yang menunjokkan bahawa kita dalam negeri ini tidak mengamalkan demokerasi yang sa-penoh-nya. Tuan Yang di-Pertua, chara pemilehan ka-Dewan itu bukan-lah boleh di-gunakan sa-bagai satu tanda yang besar yang chukup terang bahawa kita tidak mempunyaï demokerasi yang sa-benar-nya dalam negeri ini. Agak-nya Ahli Yang Berhormat itu tidak chukup faham bagaimana chara-nya ahli² dari Sarawak dan Sabah itu di-pileh. Di-Sarawak dan Sabah mempunyaï Majlis Undangan-nya sendiri. Semua ahli mereka itu ada-lah yang di-pileh oleh ra'ayat walau pun dengan sa-chara tidak langsong ya'ani bertengkat², tetapi di-pileh oleh ra'ayat. Dan oleh kerana masa-nya sengkat untok mengadakan pilehan raya sa-chara langsong kapada Dewan Ra'ayat, bukan sahaja Sabah dan Sarawak, Yang Berhormat itu telah lupa—agak-nya sengaja tidak mahu sebutkan, Singapura buat demikian juga.

Enche' Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di-Pertua, saya telah sebutkan Singapura.

Enche' Abdul-Rahman bin Ya'kub: Terima kaseh atas penjelasan itu. Oleh kerana masa itu sengkat kita tidak dapat mengadakan pilehan raya sa-chara langsong. Kuasa itu telah di-beri oleh Perlembagaan negeri² Sabah, Sarawak dan Singapura kapada Majlis Undangan Negeri untok memileh wakil² ra'ayat daripada Sarawak, Sabah dan Singapura ka-Dewan Ra'ayat. Itu kita jangan lupa. Kuasa itu di-beri oleh ra'ayat sendiri kapada Majlis Undangan Negeri. Jadi, kalau kuasa itu telah di-beri oleh ra'ayat kapada Majlis Undangan Negeri untok memikirkan chara memileh Ahli Dewan Ra'ayat dalam satu masa tidak-lah boleh kita katakan bahawa sistem yang ada berjalan pada masa ini sistem yang menentang chara demokerasi.

Yang Berhormat itu telah meminta Kerajaan Pusat supaya mengambil tindakan yang chepat untok mengadakan pilehan raya sa-chara langsong di-Sarawak dan Sabah. Saya suka menyatakan bagi negeri Sarawak ternyata sa-kali dalam Undang² Perlembagaan Negeri Sarawak ia-itu daripada pilehan raya dalam tahun 1963 yang telah berlaku dahulu di-Sarawak satu pilehan raya sa-chara langsong yang akan di-adakan dalam empat lima tahun ya'ani tahun 1968 atau 1969 harus sa-rentak dengan pilehan raya di-Malaya, tetapi keputusan belum di-ambil lagi berkenaan perkara itu.

Berkenaan dengan Sabah, semenjak Malaysia telah ada sa-kali pilehan raya di-sana di-lakukan dengan sa-chara tidak langsong juga. Dan kalau kita membacha dalam surat-khabar kita telah nyata-lah ketahuï bahawa mereka di-sana sendiri mahu pilehan raya sa-chara langsong itu di-buat dengan sa-berapa chepat yang mungkin. Ini kita akan lihat dalam perkembangan yang akan datang.

Yang Berhormat itu juga telah menyentoh soal lawatan rombongan Malaysia untok menerangkan pendirian kita dalam perbalahan "unguided autocrat Bong Karno." Beliau berkata sunggoh pun lawatan itu perlu untok menerangkan kapada negara² dalam Afrika apa Malaysia yang sa-benar-nya, tetapi Kerajaan telah salah pileh kapada pemimpin rombongan itu ia-itu Yang Berhormat Enche' Lee Kuan Yew dari Singapura, kerana dalam fahaman beliau Enche' Lee Kuan Yew telah menggunakan kesempatan itu untok mempopularkan (popular) diri-nya sendiri. Di-sini saya suka menerangkan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa dalam Persidangan Dewan Ra'ayat yang lepas, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu

telah menerangkan bahawa dia sendiri pun perchaya dan yakin ia-itu lawatan rombongan itu telah berjaya mendapatkan kejayaan, dengan sebab yang demikian beliau berkata belanja yang telah kita buat itu ada-lah chukup baik dan tidak merugikan kita.

Soalan mempopularkan diri dalam kesempatan ini berbau personal sangat. Dalam soal confrontasi sama ada sa-orang Ahli itu daripada P.A.P., sama ada sa-orang Ahli itu daripada P.M.I.P., dalam soal menentang keganasan unguided autocrat Soekarno ini, politik dalam negeri penting kita ketepikan—tidak boleh tidak. Soalan suka ta' suka kapada batang tuboh sa-saorang itu dalam sa'at yang ada bagini, penting kita ketepikan. Mereka ini rombongan yang pergi ka-sana—dia telah kita pileh, Kerajaan telah pileh pergi ka-sana, kita tahu pendirian mereka mengenaï soal confrontasi, mereka sa-ratus peratus menentang confrontasi ini. Sa-bagai pemimpin rombongan itu dalam lawatan beliau, beliau harus telah popular, tetapi Kerajaan—saya suka menerangkan di-sini lagi pada hari ini—Kerajaan tidak ada mempunyaï keterangan² bahawa beliau ini tadi telah menggunakan lawatan ini dengan sa-berapa boleh-nya, bukan sa-mata² untok memperjuangkan nasib Malaysia, menerangkan Malaysia kapada negara² Afrika, tetapi sa-balek-nya untok mempopularkan diri-nya—Kerajaan tidak ada menerima keterangan² yang demikian.

Berhubong dengan soalan hendak menubohkan Duta, atau Embassy yang banyak lagi di-negara² Afrika, perkara ini Kerajaan telah bertalu² menyatakan ia-itu kita perchaya bahawa ada kepentingan-nya untok kita menubohkan Kedutaan² kita itu dalam negara² Afrika, dan perkara ini sedang di-kaji dengan sa-chara active-nya, tetapi sa-balek-nya segala penubohan Duta² ini yang banyak beratus² di-luar negeri, akan memakan wang yang banyak dan kita tidak boleh menumpukan wang kita kapada satu jurusan sahaja.

Soalan mempertahankan negeri, soalan perkembangan dalam negeri yang lain², terpaksa kita timbangkan juga, dan walau bagaimana pun kita dengan Bung Soekarno ini tadi, soal confrontasi beliau telah gagal di-beberapa tempat, sunggoh pun kita tidak mempunyaï Duta yang banyak di-Afrika. (*Tepok*). Gagal dalam Security Council, gagal dalam meshuarat di-antara negara² yang tidak bersekutu dengan negara² lain—non-Aligned countries di-Khaerah tidak lama dahulu. Ini menunjokkan bahawa Kerajaan telah mengambil langkah² yang chukup untok memberi penerangan yang jelas berkenaan dengan apa yang sa-benar-nya berlaku dalam soal confrontasi ini. Demikian-lah sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Che' Bibi Aisha binti Hamidon: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Dewan dan sakalian Ahli² Yang Berhormat, saya dengan sa-penoh²-nya menyokong ia-itu ranchangan yang memberi tambahan perbelanjaan bagi Malaysia pada tahun 1964 ini, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya rasa patut sangat kita mengambil perhatian yang berat ia-lah kerana baharu² ini kita dapat tahu bahawa di-bawah Jabatan Perdana Menteri telah di-tubohkan satu Jabatan Akchuari yang mana ada jaminan yang jabatan ini akan menjalankan urusan² kerja-nya berkenaan dengan wang² simpanan—Provident Fund, atau pun wang² sagu hati kapada sa-saorang yang kita katakan meninggal dunia, sama ada dia itu terdiri daripada pegawai Kerajaan, atau pun Pasokan² Bersenjata dan sa-bagai-nya, tetapi di-dalam senarai² tambahan perbelanjaan ini, saya tidak jumpa satu peruntokan, atau pun satu anggaran perbelanjaan bagi Jabatan Akchuari ini, dan saya perchaya kalau-lah tidak ada peruntokan, bahkan satu sub-head yang baharu pun kita belum berjumpa di-dalam Anggaran Perbelanjaan Tambahan pada hari ini.

Dan saya sa-putut-nya mengalu²kan, kalau-lah di-adakan tambahan perbelanjaan ini dengan sa-berapa segera, kerana ini-lah menjadi satu jaminan yang baik, terutama sa-kali kapada janda, atau pun kapada warith² si-mati itu, jikalau ada satu Jabatan yang dengan terus-menurus akan mengkaji

tentang perbelanjaan, atau pun tentang apa segi tuntutan ka-atas wang² Provident Fund dan sa-bagai-nya, tetapi sayang-nya di-atas chadangan² baharu ini, saya hanya dapat mengetahui ia-itu ada satu circular yang di-hantar ka-pada Jabatan² Kebajikan Masharakat ia-itu yang Jabatan Akchuari ini baharu di-tubohkan di-dalam awal bulan Jun tahun ini. Sa-patut-nya apabila telah di-adakan jabatan yang baharu ini, mesti-lah ada peruntokan perbelanjaan-nya, tetapi sayang-nya, Tuan Yang di-Pertua dan Ahli² Yang Berhormat sakalian, saya tidak men-dapat satu pun peruntokan bagi-nya, terutama sa-kali sa-bagaimana yang kita dapat tahu yang negara kita ini ada-lah di-dalam keadaan dharurat, dan kita dapat tahu pula ada perajurit² kita yang terkorban untok mempertahankan negara, dan kalau-lah dapat jabatan ini di-tubohkan dengan sa-berapa segera, maka dapat-lah di-jalankan kerja²-nya—saperti yang kita katakan ia-itu bersesuaian dengan keadaan masa ini, sudah tentu-lah si-janda² kapada pehak perajurit² kita yang terkorban itu tidak-lah akan menderita sa-bagaimana yang sudah², dan juga kita harap kalau-lah jabatan ini dapat menjalankan tugas-nya dengan baik, maka segala orang yang berkenaan sama ada dia terdiri dari-pada pegawai² Kerajaan, atau pun sa-barang orang yang bersangkutan dengan wang² sagu hati bagi pehak suami-nya itu yang akan mendapat bayaran wang dengan sa-berapa segera-nya dan tidak-lah akan menunggu sa-hingga bertahun² lama-nya.

Dan saya rasa Ahli Yang Berhormat dari Kelantan telah menyentoh dalam soal orang² asli, atau pun bagi pehak orang² Aborigine, saya pun rasa tidak berapa senang hati, kerana di-tujukan uchapan-nya itu kapada sa-orang perempuan tua. Saya tidak faham bagaimana-kah tidak boleh di-sebutkan orang tua yang akan meninggal sahaja, agak-nya rasa beliau kerana telah ber-tambah ahli perempuan di-dalam Dewan ini-lah, maka dengan itu di-sebutkan keadaan perempuan tua.

Satu perkara lagi yang beliau telah menyamakan keadaan negeri kita dengan negara Eskimo. Saya tidak tahu bila masa-nya Yang Berhormat itu telah melawat negeri Eskimo. (*Hear! Hear!*) Pada masa sekarang ini kita menyanjong negara kita yang baharu merdeka ini, negara Malaysia kita yang mendapat nama harum, tiba² dalam Dewan ini Ahli Yang Berhormat telah menyebutkan benda yang tidak². Di-dalam negeri kami juga, sa-bagaimana dalam negeri Kedah ada dengan orang² asli, tetapi belum pernah kami mendapat tahu ada orang asli yang mendapat layanan yang sa-demikian. Sekian-lah sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Anggaran bagi per-belanjaan tambahan, dan dalam me-nyokong Rang Undang² ini saya suka menarek perhatian pehak Kerajaan terutama-nya Kementerian Kewangan yang mana kita beruntong, Menteri Kewangan ada bersama² dengan kita di-sini supaya mengambil perhatian kapada beberapa Kementerian yang suka saya menchadangkan supaya memberi perhatian yang sunggoh² dari-pada pehak Kerajaan.

Kementerian yang pertama yang saya suka sentoh dan suka memberi pandangan ia-lah Kementerian Pene-rangan dan Jabatan Radio. Saya rasa dalam sa'at negara kita berada di-dalam keadaan anchaman ini dan dalam keadaan negara kita yang baharu merdeka dan baharu kita tubohkan Malaysia, dan boleh di-kata-kan negara yang muda saperti negara kita ini, maka yang mustahak sa-kali ia-lah bagi Kementerian Penerangan dan Jabatan Radio ini di-perbesarkan, di-beri peruntokan tambahan yang sa-besar²-nya supaya dapat Jabatan ini atau pun Kementerian ini menjalankan tugas-nya dengan lanchar dan sem-purna. Saya suka sebutkan perkara yang saya katakan mustahak supaya di-berikan perhatian istimewa pada Jabatan ini atau Kementerian ini ia-lah kerana Kementerian ini mesti mengambil tanggong-jawab bagi me-nyebarkan dan memberi perkhabaran dan menanamkan semangat kaseh mesra ra'ayat kapada negeri ini. Kementerian ini sahaja yang kita

harapkan akan mengambil tanggong-jawab mengenalkan negeri ini kapada dunia luar. Kementerian ini juga bertanggong-jawab memasokkan semangat di-dalam dada tiap² ra'ayat negeri ini supaya kaseh kapada negara dan kaseh kapada bangsa dan segala asas dan tujuan dan dasar Kerajaan itu ada-lah menjadi tanggong-jawab Kementerian ini untok memberi fahaman sa-luas²-nya kapada ra'ayat semua.

Dalam sa'at kita menentang pencherobohan dan konfrantasi Indonesia ini barangkali Ahli² Yang Berhormat pernah mendengar segala di'ayah², segala penerangan², segala apa yang di-lakukan oleh Kerajaan Indonesia. Kita dengar, kita dapat tahu banyak ra'ayat kita dapat mendengar siaran² radio daripada Jakarta, daripada Sumatra, daripada lain² Station yang kita tidak di-kenali daripada mana tempat-nya itu berada. Jadi hendak-lah Kementerian ini di-perbesarkan supaya station² radio kita, supaya segala kelengkapan penerangan kita chukup boleh mengatasi apa yang ada pada musoh kita itu. Kita mahu Jabatan Radio, Jabatan Talevision dan lain² perkara yang berkenaan dengan hal penerangan ini mesti di-lengkapkan dengan alat dan orang²-nya yang chukup. Saya dengar, ini benar tidak benar saya tidak tahu, tetapi saya dengar rungutan pernah di-timbulkan oleh pehak² yang berkenaan yang mana menunjokkan Kementerian Penerangan ini sangat susah hendak mendapat wang untok memperbesarkan kerja-nya. Ada-kah perkara ini di-sebabkan kerana kita ada perhatian daripada Kerajaan atau pun kerana pehak Treasury ada sadikit susah hendak mengeluarkan wang, saya tidak tahu. Tetapi saya perchaya Kementerian yang berkenaan akan mengambil perhatian yang berat supaya Kementerian Penerangan ini di-beri layanan yang istimewa supaya dapat menjalankan segala penerangan dengan lebeh luas dan lebeh lanchar lagi.

Kementerian yang kedua, saya suka terangkan di-sini ia-lah Kementerian Kesihatan. Kementerian Kesihatan ini saya tidak tahu ada-kah kerana tidak ada wang atau pun tidak dapat doktor² yang berkelayakan daripada luar negeri, tetapi pada sa'at ini, pada masa ini, sa-kira-nya kita tidak memperbaiki Kementerian ini, maka perkara perubatan, layanan kesihatan dalam negeri kita ini sangat-lah susah. Saya suka menerangkan kapada Dewan Negara supaya pehak Kerajaan dapat mengambil perhatian bagaimana perkara layanan kesihatan di-negeri saya di-Kelantan. Mereka yang mahu layanan doktor terpaksa pergi ka-hospital dengan menunggu sa-hingga satu hari suntok bagi mendapat layanan perubatan dan doktor² memberi layanan perubatan itu terpaksa menanyakan si-sakit itu untok memberi ubat kapada si-sakit, bukan memereksa si-sakit, tetapi tanya apa sakit, di-beri ubat apa pertanyaan yang di-jawab oleh si-sakit itu. Jadi bagini-lah yang berlaku hari² di-sana yang dapat kita lihat.

Saya rasa kalau sa-kira-nya doktor² ini tidak chukup hendak-lah di-chukupkan doktor² itu supaya layanan perubatan itu kena dengan anggaran pendudok yang ada dalam satu² negeri supaya menjadi baik bagi keadaan ra'ayat di-negeri kita ini. Hari ini kita dengar Kerajaan telah pun mengambil keputusan akan mengakuï kelulusan doktor² daripada Amerika, saya rasa dengan akuan itu akan dapat-lah doktor² anak negeri kita yang mempunyaï kelulusan dari Amerika itu dengan sa-berapa yang banyak dalam Kementerian ini.

Sa-lain dari itu saya suka juga mengambil perhatian daripada pehak Kementerian Welfare atau pun Kebajikan Masharakat supaya mengambil berat sa-berapa segera supaya tidak timbul di-dalam surat² khabar menunjokkan orang miskin yang mati, yang rumah-nya roboh, tidak dapat layanan daripada Jabatan² Kebajikan Masharakat dalam negeri ini. Dengan ada-nya gambar² yang sa-umpama itu kita tentu merasa malu kapada dunia luar kerana kita katakan negeri kita ini berada dalam satu tingkatan yang baik tetapi dapat juga akhbar itu mengeluarkan gambar² dengan menunjokkan si-miskin dan anak²-nya tidak dapat makanan dan sa-bagai-nya. Ini ada-lah tanggong-jawab pehak Jabatan Kebajikan Masharakat

yang mana mempunyaï pegawai² yang chukup, kalau sa-kira-nya tidak chukup minta-lah tambahan anggaran daripada Kerajaan supaya tidak-lah tersiar gambar² yang menunjokkan kesusahan ra'ayat yang miskin tidak dapat makan dan sa-bagai-nya dan kita mahu melihat supaya perjalanan Jabatan ini berjalan dengan baik sesuai da'awaan kita yang kita ini berada dalam satu negeri yang keadaan-nya lebeh baik daripada negeri² lain di-Tenggara Asia ini.

Sa-lain daripada itu saya suka menerangkan juga supaya penyusunan Jabatan RIDA yang dudok di-bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar itu segera di-lakukan supaya RIDA yang berada di-bawah Jabatan Pembangunan Luar Bandar itu di-susun kembali dengan sa-berapa segera supaya hubongan baik di-antara Jabatan RIDA dengan Jabatan Kementerian Kewangan dan sa-bagai-nya mempunyaï hubongan yang rapat untok menyesuaikan kerja, supaya dapat Jabatan RIDA yang menjadi tempat tumpuan orang Melayu mendapat pertolongan itu dapat berjalan dengan baik.

Saya dapat tahu dalam susunan pejabat RIDA ini telah bertahun² tidak dapat berjalan dengan baik, kerana tidak ada hubongan yang baik di-antara jabatan ini dengan pehak Treasury atau pehak Kementerian Kewangan, entah apa kesilapan-nya, saya tidak tahu, tetapi kepinchangan perhubongan ini boleh merosakkan harapan Kerajaan untok menolong orang² Melayu dalam perniagaan dan perusahaan. Orang² Melayu kita ini chuma sa-mata² berharap kapada RIDA sahaja, tidak ada tempat lain. Kalau hendak harapkan kapada M.I.D.F.L., M.I.D.F.L. bagi 5 ekar tanah sahaja bagi bantuan hendak buat kawasan industry, bagi-lah satu keping tanah yang tidak berapa ekar, itu pun di-gembar-gemborkan di-dalam akhbar, menunjokkan F.L.D.A. mahu menolong Melayu, hingga hari ini ta' ada apa pun hasil-nya yang timbul.

Dan bagitu juga banyak daripada mereka yang mendapat faedah daripada Kerajaan chuba menyuarakan hendak menolong orang Melayu. Berbagai² suara yang timbul daripada berbagai² puak sa-hingga sa-tengah²-nya mengeluarkan suara, kalau sa-kira-nya Kerajaan boleh tolong dia, dia boleh tolong orang Melayu. Kalau Kerajaan bagi taraf printis kapada dia, dia tolong Melayu—kalau Kerajaan bagi bagitu kapada dia, dia tolong Melayu. Kalau Kerajaan simpan duit dalam bank dia, dia tolong Melayu tetapi Melayu makin sa-hari sa-makin mati bukan hendak hidup. Ini-lah perkara yang timbul dalam keadaan perlaksanaan in practice—dalam practical-nya. Perkara ini kalau tidak di-suarakan di-dalam Dewan ini barangkali sa-tengah² pehak yang mengambil peluang bagi kepentingan dan kelebehan diri-nya itu tidak merasaï yang ra'ayat ini tahu apa yang mereka lakukan. Kita suarakan dalam Dewan ini supaya mereka mengenali yang ra'ayat dan orang Melayu di-sini faham permainan kayu tiga kaum² kapitalis ini yang konon-nya hendak menolong orang Melayu untok mendapatkan wang² dan bantuan² daripada Kerajaan.

Saya dengar pehak Kementerian Perdagangan dan Perusahaan kata, orang Melayu telah pun di-beri peluang membeli share banyak² tetapi orang Melayu tidak beli share—tidak ada sokongan, sambutan-nya dingin. Saya suka hendak beritahu di-sini, tuan dan Ahli² Yang Berhormat sakalian, orang² Melayu kita ini bukan kaum yang bermodal saperti kapitalis yang mempunyaï modal yang boleh membeli modal share dalam sharikat yang besar². Tetapi orang Melayu ini mahu menumpang menchari perniagaan dan membuat perusahaan di-dalam negeri ini mahu pun dengan chara bersharikat, mahu pun dengan chara bersendirian, mahu kapada pertolongan sa-umpama itu, bukan mahu kapada menchari, menggadai, menjual segala harta benda kerana hendak membeli share dalam satu kompeni yang dia-nya tidak ada kuasa mentadbir. Kalau jual segala harta benda pun masok dalam satu kompeni sharikat yang besar, kuasa

mentadbirkan sharikat itu tidak ada pada dia habis harta di-jual masok di-situ, tunggu untong pada tiap² tahun, itu-lah yang di-buat-nya; ahli² perniagaan Melayu pun tidak bertambah—bilangan perniagaan tidak bertambah di-dalam negeri ini. Jadi bagi orang Melayu yang mempunyaï pendapatan tetap, dia rasa hendak simpan wang dengan sa-chara selamat, dia beli share itu kadar yang orang Melayu dapat buat. Tetapi bagi gulongan orang Melayu yang ada di-dalam lapangan perniagaan dan perusahaan yang sedang menjalankan perniagaan itu, dia mahu kapada pertolongan dan pertolongan ini mesti di-beri. Kalau sa-kira-nya kita hendak beri, beri-lah pada hari ini, 5 tahun, 10 tahun lagi apa hendak jadi pun kita tidak tahu kapada orang Melayu, makin sa-hari makin surut, tapak perniagaan makin sa-hari makin kurang. Kalau dahulu-nya rumah kayu, bila rumah kayu itu sudah roboh, naikkan rumah batu yang Melayu-nya hilang, timbul orang lain di-rumah batu itu. Ini perkara yang berlaku dalam tiap² negeri di-dalam Persekutuan Malaysia ini. Jadi kalau sa-kira-nya kita hendak menjalankan dasar ini hendak-lah kita mesti jaga supaya orang² Melayu ini di-beri peluang, di-beri latehan, di-beri pertolongan chara membaiki perniagaan mereka ini, baharu-lah dapat kita menolong orang Melayu di-dalam perniagaan. Dan tempat tumpuan-nya hari ini chuma RIDA sahaja.

Hari ini saya hendak beritahu kapada Dewan ini, RIDA ini ashek bergadoh sahaja dengan Treasury—ini tidak habis², bila hendak selesai, saya tidak tahu. Kira²-nya sa-hingga audit, kemudian audit tidak selesai. Saya tidak tahu apa hendak jadi kapada RIDA dengan Treasury ini yang tidak ada bersefahaman dan hubongan yang baik. Barangkali orang Melayu-lah yang tertunggu² untok mendapatkan pimpinan yang sempurna.

Saya suka hendak memberitahu kapada Dewan ini satu chontoh yang saya tahu, bagi pehak 70-80 perusahaan batek di-Kelantan telah pun bersatu menubohkan satu badan pasaran umpama-nya, telah pun berhubong dengan RIDA bertahun², RIDA telah pun bawa meeting sudah bertahun², sudah pun mengangkat kapada Treasury kata-nya hendak mendapatkan bantuan modal dan sa-bagai-nya, sampai hari ini pun tidak selesai—tidak selesai, jadi apa pun tidak tahu-lah sa-hingga terpaksa hendak melantek Auditor dan sa-bagai-nya bertahun² tidak tahu apa hujong pangkal-nya. Jadi ini perkara macham mana-lah kalau sa-kira-nya satu benda yang bagini konkerit, satu chadangan yang merupakan boleh membena yang mesti tunggu tiga, empat, lima tahun untok melaksanakan-nya, maka saya tidak nampak-lah yang kita akan benar² berjalan mengikut tujuan dasar Kerajaan negeri ini. Jadi banyak sangat kapada pehak peringkat pentadbiran ini yang tidak betul² menjalankan dasar dan tujuan Kerajaan yang telah pun Kerajaan melaksanakan-nya.

Saya chukup-lah timbang rasa kapada Menteri² kita. Bagi pehak umpama-nya, Tun Haji Abdul Razak bersunggoh² benar hendak melaksanakan chita² ini. Menteri Muda Tuan Haji Abdul Khalid bersunggoh² bagi menyuarakan hasrat dan perasaan-nya, perasaan Kerajaan kita untok melaksanakan segala usaha bagi menolong orang Melayu dalam perusahaan dan perdagangan. Tetapi dalam perlaksanaan-nya berbagai² perkara yang timbul, kalau tidak ada sokongan daripada sagenap segi lapisan atau pun sendi pentadbiran negeri ini, chita² ini akan gagal di-tengah jalan saya pernah nampak. Jadi ini-lah saya harap Kementerian Kewangan dan Kementerian Perdagangan dan Perusahaan jangan-lah berdiam diri dalam masa-alah ini. Kalau perkara ini tidak boleh selesai, chari jalan bagaimana boleh selesai dengan chepat. Kalau perkara ini tidak boleh jadi ada hubongan baik chari jalan macham mana kita dapat hubongan dengan baik. Kalau kita boleh dapat merdeka dengan keadaan sa-berapa singkat, kalau kita boleh menubohkan Malaysia sa-berapa singkat, bagaimana tidak boleh kita susunkan kembali satu jabatan yang menjadi

tempat bagi kita hendak menjalankan kerja yang sempurna bagi tujuan dasar kita itu dalam satu masa yang singkat. Jadi susunan ini yang perlu—susunan bagi menjalankan dasar Kerajaan itu. Sebab kalau kereta kita ada minyak, kalau kereta kita ada tayar, kalau kereta kita ada lengkap segala kelengkapan tetapi driver-nya tidak boleh bawa, baik kita chari driver yang lain yang boleh di-letakkan di-situ, chari driver yang pandai, yang boleh bawa kereta itu, yang tahu, yang ada kemahiran, ada initiative, ada perkara sempurna itu.

Saya tengok macham Dewan Bahasa dan Pustaka, dengan kerana Tuan Syed Nasir itu ahli yang mahir, yang tahu, yang ada *interest*, yang ada kemahuan, yang ada semangat dan perasaan untok menjalankan itu, Dewan Bahasa dan Pustaka tunjokkan kebolehan. Jadi, dalam jabatan lain juga, jabatan yang hendak menolong orang Melayu itu mesti chari orang yang betul² ikhlas, orang yang betul² mahu dalam pekerjaan itu, yang ada perasaan hendak buat kerja itu, yang ada pengalaman dalam pekerjaan-nya, yang ada kechenderongan dalam pekerjaan itu dan kalau boleh orang yang dudok di-dalam tempat dan dalam jabatan yang berkenaan itu mesti-lah orang yang ada sadikit perasaan dan pengetahuan yang dia pegang kerja itu. Dan kalau boleh, Pejabat RIDA ini mesti-lah kita kirakan satu post macham political post umpama-nya bagitu biar dia ada tanggong-jawab dalam menjalankan kerja itu. Ini mustahak, sebab orang Melayu seluroh Malaysia ini harap kapada RIDA. Hari ini Tunku Abdul Rahman sudah letakkan pula supaya RIDA ini menolong orang Singapura. Jadi harapan orang Singapura 100 peratus kapada RIDA tetapi kalau pejabat ini tidak di-susun dengan betul, kalau pejabat ini tiada di-beri satu sokongan yang sa-penoh dengan mempunyai tenaga baharu yang ada dynamics sadikit yang boleh buat kerja dan ada kechenderongan bekerja, saya ingat ini susah, nanti satu hari timbul pula pergadohan antara orang Singapura dengan RIDA, nanti RIDA susah dengan orang Melayu Singapura pula. Jadi saya bimbang itu.

Jadi, itu-lah sebab-nya saya menarek perhatian pehak Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Kementerian Kewangan supaya beri wang chukup kapada RIDA. Kalau sa-kira-nya apa yang kita tidak puas hati dengan RIDA, baiki dan baiki dengan segera, jangan main² lagi. Kita tidak tahu pada 5 atau 10 tahun apa hendak jadi keadaan kita. Jadi kita mahu susun hari ini. Kalau orang Melayu hendak masok perniagaan pun orang Melayu hari ini-lah memulakan masok dalam perniagaan. Kalau Melayu tunggu orang Melayu 5 tahun lagi hendak masok perniagaan dan orang Melayu yang ada 10 tahun lagi hendak masok dalam perniagaan—ta' ada-lah, barangkali masa itu kalau hendak harapkan orang Melayu masok perniagaan 10 tahun lagi tentu tidak ada harapan. Kalau hendak masokkan dan menyertakan orang Melayu dalam perniagaan, hari ini-lah. Ta' ada masa-nya lagi. Ini yang saya harap. Kerajaan Perikatan ini-lah Kerajaan yang akan boleh meletakkan orang Melayu dalam perniagaan dan perusahaan. Itu-lah kita harap dan orang Melayu harap bagitu. Itu-lah sebab-nya orang Melayu menjadi tulang belakang Kerajaan hari ini memberi sa-penoh sokongan-nya kapada Perikatan, kerana mereka perchaya penoh yang kita-lah yang boleh meletakkan mereka di-tempat itu. Ini-lah dia. Jadi, saya harap kalau sa-kira-nya ada di-antara Menteri Perdagangan dan Perusahaan, Menteri Kewangan dan Menteri Pembangunan Luar Bandar yang bertanggong-jawab di-atas RIDA itu kalau ada benda yang tidak sempurna pun, saya harap mereka ini akan menghadapi satu meja bulat untok menyelesaikan segala perkara dalam satu sa'at yang sengkat sa-kali supaya untok memudahkan kita hendak menghadapi masa hadapan. Ini-lah perhatian yang saya tarek kapada Kementerian yang berkenaan.

Saya tarek perhatian Kementerian yang berkenaan kerana saya takut—saya takut hari ini semua pehak, ada pehak bank, pehak Kerajaan, pehak F.L.D.A., pehak M.I.D.F.L., pehak ini

dan pehak itu, semua kata hendak tolong Melayu. Nanti bila satu hari Melayu mati, kita hendak tolong, Melayu tidak mahu tolong diri dia Melayu mati juga fasal Melayu tidak mahu tolong, jadi pada masa itu Melayu ini menerima satu pukulan yang hebat sa-kali. Jadi, hari ini kita mesti betulkan segala perkara yang berkenaan supaya menjadikan perkara itu baik.

Sa-lain daripada itu, saya suka hendak berchakap sa-patah dua berkenaan dengan perchakapan pehak Pembangkang tadi. Pembangkang ada berchakap tadi ia-itu Enche' Amaluddin dari Kelantan, dia kata masa kita dapat kemerdekaan itu atau Kerajaan Malaya pada masa itu atau pun Parti Perikatan yang memerentah untok mendapatkan kemerdekaan itu sabagai pengemis pergi ka-Downing Street, kerana minta merdeka sa-bagai pengemis atau peminta sedekah—sabagai peminta sedekah untok mendapat kemerdekaan. Jadi, saya suka hendak sebutkan kerana chara peminta sedekah itu-lah Ahli Yang Berhormat itu ada dalam Dewan Negara ini. Kalau tidak chara dan kaedah yang konon-nya di-katakan peminta sedekah itu, Senator yang berkenaan tidak akan ada dalam Senate ini dan di-Kelantan tidak ada Menteri Besar P.M.I.P. yang memerentah negeri Kelantan. Jadi, maksud Pembangkang ini dia mahu kita berperang untok mendapat kemerdekaan, maksud dia bagitu, chara perasaan dan hasrat dia itu mahu berperang walau pun boleh dengan baik, ta' usah baik. Kita perang. Itu chara kaedah-nya. Dan saya tidak faham chara dan perchakapan-nya kerana dia kata apabila kita dapat kemerdekaan, segala perjanjian itu tidak di-batalkan, sa-hingga perjanjian tanah pun tidak di-batalkan. Jadi, saya berasa suka hati-lah hendak berchakap sadikit bila dia kaitkan perjanjian tanah. Perjanjian tanah yang dikatakan tidak di-batalkan itu saya faham, maksud-nya perjanjian tanah di-Kelantan yang di-buat di-antara Duff Development dengan Kerajaan Negeri Kelantan pada masa dahulu, yang pada masa ini Duff Development maseh memegang tanah itu. Mengikut perjanjian itu chuma 5 peratus sahaja Duff Development bayar sa-bagai hasil negeri Kelantan. Jadi berma'ana hasil itu kechil dan sangat sadikit yang merugikan Kerajaan Kelantan. Itu maksud apa yang di-terangkan oleh Enche' Amaluddin.

Saya perchaya Enche' Amaluddin menyuarakan perkara perjanjian tanah ini ada sebab, sebab ada perjanjian Duff Development dengan Kerajaan Kelantan. Jadi ada banyak tanah di-sana tidak dapat di-beri kapada Timber and Mine Co., yang baharu ini Kerajaan PAS buat perjanjian pula dengan orang China Singapura. Jadi dia pergi siasat banyak tanah² yang bagus yang maseh terikat dengan perjanjian Duff Development dengan State Government itu barangkali yang dia kelam-kabut. Hari ini Timber and Mine Co., sa-orang China dari Singapura telah buka satu kompeni di-Kelantan sudah dapat pajakan 376,000 ekar lebeh dalam tempoh 33 tahun dengan tidak payah bayar chukai sa-lama 10 tahun dan segala hasil bumi dalam tempoh 10 tahun yang pertama itu tidak payah di-bayar apa² chukai kapada Kerajaan Kelantan, chuma di-bayer $2 juta.

Mr President: Tolong-lah rengkaskan sadikit dan beri-lah perhatian kapada Rang Undang² yang kita bahathkan ini.

Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Saya menjawab uchapan daripada pehak Pembangkang kerana dia keluarkan masaalah itu, jadi saya terpaksa menjawab. Saya akan rengkaskan. Saya fikir itu-lah sebab-nya perkara itu berbangkit.

Bagi saya suka saya mengingatkan kapada pehak Pembangkang itu supaya berjaga² sadikit dalam perchakapan²-nya kerana dalam Dewan ini perchakapan yang ada dalam Dewan ini ada-lah di-tulis dan di-ambil ingatan. Saperti beliau tadi mengeluarkan satu teori politik, umpama-nya, Khruschev kata-nya sa-orang yang chintakan kapada perdamaian. Saya berpendapat dia tidak ada chinta perdamaian. Kalau kominis, kominis-lah, Krushchev-kah, siapa-kah kita tidak kira, kalau kominis sampai bila pun dia

kominis, kominis tidak ada chinta perdamaian. Jadi, kalau pehak Pembangkang tadi kata kita bimbang kerana Krushchev sudah di-singkirkan kerana Krushchev chinta perdamaian—itu tidak betul. Siapa pun naik mesti-lah dia kominis . . . . .

Mr President: Benda yang tidak kena-mengena itu tinggalkan.

Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Sa-kian sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya rengkaskan dan saya sudahi dengan uchapan terima kaseh.

Dato' Sheikh Abu Bakar bin Yahya: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya juga menyokong lafadz² yang telah di-butirkan oleh Yang Berhormat Dato' T. H. Tan tadi berkenaan dengan kenyataan yang kita Dewan Negara ini akan menderma kapada Tabong Pertahanan Negara. Ya, kita Dewan Negara yang selalu di-katakan oleh parti² Pembangkang di-Dewan Ra'ayat, kita tidor, tetapi di-sini kita tidak tidor lagi berkenaan dengan pertahanan—with all due respect, Sir, to the Ministers who are here.

Berkenaan dengan perkataan yang saudara saya juga Yang Berhormat Enche' Amaluddin bin Darus tadi membunyikan soal bertambah-nya Ahli² Dewan Negara; perkara itu sudah pun kita bahathkan dengan teliti-nya, dengan panjang lebar-nya—ta' usah-lah saya mengambil masa Dewan ini lagi.

Yang Berhormat Dato', saya menyokong Rang Undang² berkenaan dengan apa yang telah di-lafadzkan oleh Menteri Kewangan tadi. Saya suka mengambil kesempatan di-sini untok memberi sadikit pandangan saya berkenaan dengan tugas Pasokan Kawalan di-kampong² yang mana kita sekarang telah menubohkan pasokan² itu pada tiap² tempat. Saya sangat tertarek hati di-atas kegiatan mereka yang telah menjalankan tugas masing²—semenjak yang saya dapat saksikan sakalian pendudok² kampong itu yang terdiri daripada berbagai² bangsa, Melayu, Tionghua, India dan sa-bagai-nya yang telah menunjokkan ta'at setia mereka itu kapada perpaduan bekerjasama bergilir² untok mengawasi kampong² dengan tidak mengindahkan tentang alat keperluan berkawal saperti malam, dan tidak berkehendakkan, yang kita katakan lampu² pichit dan juga baju hujan dan sa-bagai-nya. Semangat yang sa-macham ini-lah, Yang Berhormat Dato', yang sangat kita perlukan dan juga di-perlukan oleh negara kita yang menjadi kebangsaan kapada bangsa dan negara Malaysia.

Sa-lain daripada itu, Yang Berhormat Dato', ada tempat² dalam kawasan ini yang terpaksa kita perketatkan latehan² di-atas Pasokan Kawalan ini untok menjaga diri serta mengelakkan bahaya serang di-waktu malam. Sebab pun saya kemukakan perkara ini ia-lah oleh sebab sudah pun sa-orang daripada Pengawal Kampong telah kena tembak oleh pengkhianat dalam penjagaan-nya pada waktu malam. Ini satu kejadian yang patut kita ambil satu perhatian yang berat supaya kemalangan yang sa-rupa ini dapat di-elakkan daripada berlaku sa-panjang masa.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, sa-saorang yang tidak ada latehan yang sempurna, atau pun yang di-katakan dalam bahasa Inggeris "simple military training", apabila beliau mendengar bunyi tembakan senapang, mesti-lah dia terperanjat dan terchengang² memikirkan dari mana-kah datang-nya bunyi letupan yang tersebut itu. Dalam masa kehairanan mereka itu, tembakan yang kedua pun tiba dan mereka itu sudah tentu-lah mendapat kechederaan.

Yang kedua-nya pula, Yang Berhormat Dato', saya sendiri sudah melihat ia-itu dalam masa berkawal—Pasokan Kawalan ini berjalan di-antara satu dengan lain amat-lah dekat-nya. Ini pun satu chara, pada fikiran saya yang menguntongkan pehak yang hendak melakukan khianat di-atas mereka itu, kerana dengan mudah-nya sahaja mereka itu boleh masok dalam perangkap musoh, sama ada mereka itu hendak memukul, atau sa-bagai-nya pada Pasokan Kawalan itu.

Yang Berhormat Dato', yang demikian itu, saya merasa Pasokan Kawalan ini sangat-lah perlu di-beri kursus² yang senang bagi mereka itu memelihara diri mereka pada masa dalam

jagaan mereka itu, dan saya merayulah kapada Kerajaan supaya mengambil satu langkah yang sesuai untok memberi kursus dan latehan yang saya sebutkan tadi ia-itu simple military training yang berpatutan kapada pengawal² kita itu supaya terselamat mereka itu daripada bahaya senjata dan sa-bagai-nya.

Yang Berhormat Dato', saya merayulah kapada pehak yang berkenaan ia-itu supaya mengambil langkah memberikan saperti yang saya sebutkan tadi—lampu² pichit dan baju² hujan kapada pengawal² negeri kita ini untok penggunaan mereka itu. Ini bukan-lah saya berkehendakkan lampu² pichit itu, atau pun baju² hujan itu di-berikan kapada tiap² Pengawal Kampong. Saya suka memberi ulasan sadikit di-sini ia-itu dalam Negeri saya Johor Bahru, dalam Town Council area, lebeh kurang lima batu square, kita telah bahagikan kapada 14 Section, tiap² section itu mengandongi pada tiap² malam lima hingga lapan belas orang—ma'ana-nya tiap² malam itu di-adakan tiga shift, satu shift daripada pukul 9 sampai pukul 12, daripada pukul 12 sampai pukul 3, daripada pukul 3 sampai pukul 5½—tiga shift itu berkehendakkan sa-ramai 18 orang. Jadi, pada kehendak saya ia-itu saya minta-lah kapada pehak yang berkenaan supaya memberikan kapada tiap² 14 Section itu sa-banyak 6 lampu pichit, 6 baju hujan dan saya katakan 6 lampu pichit itu, kerana shift masa dia balek pada pukul 12 malam dia akan menerima pula alat² itu, memberikan alat² itu kapada shift yang akan membuat pekerjaan itu.

Saya suka menyatakan di-sini juga, Yang Berhormat Dato', di-Johor Bahru District, bukan-nya Town Council area, pada masa ini ada lebeh kurang 20,000 orang yang menjadi Pasokan Kawalan. Saya sendiri pun telah menjadi sa-orang daripada ahli Jawatan-kuasa di-sana yang pada masa ini kita dapat chuma-lah arm band, warrant card, dan tongkat, sunggoh pun kita sendiri ada lampu pichit, tetapi lampu pichit dan juga baju hujan itu kita beli sendiri, maka dengan sebab itu-lah saya merayu, dan pada masa ini dalam tangan District Officer, Johor Bahru, chuma ada yang sudah dapat daripada Kerajaan ia-lah $800 sahaja. Pada hal kita, saperti yang saya sebutkan tadi, Yang Berhormat Dato', kita ada 20,000 orang yang berkehendakkan alat² dan sa-bagai-nya, kerana mereka itu menjaga kampong masing². Yang demikian itu-lah, Yang Berhormat Dato', saya merayu kapada pehak yang berkenaan supaya memberikan alat²an yang chukup kapada pengawal² kita di-Johor Bahru—bukan di-Johor Bahru sahaja, tetapi di-serata tempat dalam Persekutuan Tanah Melayu. Demikian-lah, Dato', terima kaseh.

Dato' E. E. C. Thuraisingham: Mr President, Sir, I wish to speak on two important matters concerning the Ministry of External Affairs. I ask you, Sir, to be kind enough to indulge me if I stray a bit.

Sir, I was shocked to read some time ago that our Government was asked to place Sabah and Sarawak under international trusteeship. It was an astounding proposition, and I am of the opinion that it was reckless, thoughtless and bordering on callousness. The learned Member, as a lawyer, should have known that this is a proposition which is impossible. The international trusteeship was created by Covenant 22 of the defunct League of Nations, whereby the victorious powers in World War I were given the guidance and authority to administer portions of the territory of those that were defeated. This concept of a "mandate" has been extended by the United Nations Charter by Article 75. This concept of international trusteeship is called the international trusteeship system, and the conditions under which the trusteeship operates are that it shall apply to:

1. Territories held under the former "mandate";
2. Territories which were detached from enemy States as a result of the Second World War;
3. Territories voluntarily placed under the system by States responsible for their administration on terms of agreement entered into by all parties concerned.

Does Sarawak or Sabah come under any one of these categories? No. These

States have never been under the mandate. These States have never been the property of a defeated nation, nor does anyone, leave alone these two States themselves, intend to place them under international trusteeship? Malaysia is a full member of the United Nations and has also been voted as a member of the Security Council from the 1st of January, 1965. A classic example of merger and membership of the United Nations Organisation is the case of the British Gold Coast and British Togoland. Both those territories merged—as we have done in Malaysia—on their independence and became "Ghana" and Ghana is now a full member of the United Nations. In a smaller and lesser degree, Syria and Egypt merged and now is a full member under the title of the "United Arab Republic". Article 78 of the Charter says that the trusteeship system shall not apply to territories which have become members of the United Nations, relationship among which shall be based on respect for the principles of sovereignty and equality. Therefore, Sir, it is obvious that under the rules of the international trusteeship system and the Charter of the United Nations, it is impossible, legally, for Sabah and Sarawak to be placed under international trusteeship.

The learned Member, again, did not see the facts as they are. Initially, the people of the territories in their Legislative Assemblies opted to merge with the Federation of Malaya. The Cobbold Commission also reported that the majority of the people in Sarawak and Sabah desired to join Malaysia. Later the Michelmore Mission, which was appointed by the Secretary-General of the United Nations, also reported that the majority of the people of Sabah and Sarawak have opted to join Malaysia. In view of all these decisions by the people of Sabah and Sarawak, who then wants to impose trusteeship over them? This itself would be a humiliation to the people of Sarawak and Sabah who function as State Governments in the Federation of Malaysia, free and proud of their democratic process. This would be an affront to the Federal Government, which is pouring large sums of money into the development of these territories, but to all Malaysians it would be frustration of all their hopes after the great sacrifice of blood which they have made to uphold the sovereignty of Malaysia.

Mr President, Sir, I wish to refer to another matter of importance. It is my very humble opinion that our Government should not agree to take the dispute with the Philippines Government over Sabah to the International Court of Justice. We are all aware that on the 5th of August, 1963 the Governments of the Federation of Malaya, the Republic of Indonesia and the Republic of Philippines requested the Secretary-General of the United Nations, I quote, "to ascertain prior to the establishment of the Federation of Malaysia the wishes of the people of Sabah and Sarawak within the context of General Assembly Resolution 1541, Principle 9 of the Annex, by a fresh approach which in the opinion of the Secretary-General is necessary to ensure complete compliance with the principle of self-determination within the requirements embodied in Principle 9". We are all aware that the Secretary-General reported that the people of the States of Sarawak and Sabah wished to join the Federation of Malaysia, and they in fact joined the Federation of Malaysia. The question of any claim to Sabah by the Philippines should have finally ended there. The Government of Philippines is estopped from any further claim. This is not merely a claim to some territory in Sabah, as if it was a legal property claim, but it is a political claim, that is a challenge to the sovereignty and territorial integrity of the entire State of Sabah and the inhabitants of Sabah. The times in which disintegration of territories and compulsory annexation of territories could be made in the name of conquest and law are completely outmoded. These are times of free choice and self-determination. The will of the people is paramount and transcends all claims contrary to the will of the people.

The territories and people of Sabah by their free choice and by their free

will and, above all, with the approval of the United Nations are part and parcel of Malaysia. We should stand by the inhabitants of Sabah who have trusted us, and we should refuse to negotiate with the Philippines Government over Sabah. If negotiate we must, let us take the firm stand initially that every square inch of Sabah shall remain for all time as the territory of the Sabah people as on the 16th of September, 1963—the Malaysia Day. If the Philippines Government so desires, let them take their dispute to the United Nations under Article 33, 34 and 35 which provide provisions for specific settlement of disputes (*Applause*).

Enche' Ahmad bin Haji Taff: Dato' Yang di-Pertua, sa-belum saya mengambil bahagian dalam Bil yang ada di-hadapan kita ini, saya suka menyatakan yang saya menyertaï diri saya dengan kenyataan yang di-buat oleh Yang Berhormat Dato' T. H. Tan atas perkara derma yang di-buat persetujuan sa-bulat suara bagi pertahanan negeri kita. Saya berasa memang sudah kena pada tempat-nya kita sa-bagai Ahli Dewan Negara memberi satu bukti yang kita bukan sahaja, bagaimana kata Dato' T. H. Tan, bukan sahaja rela menderma apa yang kita boleh, bahkan jika kita boleh memberikan tenaga dan jika perlu mengangkat senjata pun kita rela untok keselamatan negara dan menjaga kedaulatan negara yang baharu, Malaysia.

Dato' Yang di-Pertua, dalam Bil di-hadapan kita ini saya bersama² menyokong dan suka membuat sadikit ulasan atas beberapa perkara. Sebab² saya menyokong itu ia-lah memang kita dalam masa sekarang dalam keadaan dharurat menghadapi anchaman² terhadap negara baharu kita. Negara yang baharu, negara Malaysia, yang jumlah ra'ayat-nya chuma 10 million sahaja kalau kita pandang dalam peta dunia sudah menjadi sa-olah² iri hati negeri yang berjiran dengan kita, jadi kita, untok mengatasi anchaman ini, telah pun menchari jalan dan berusaha sa-daya-upaya supaya menjaga keselamatan kita daripada anchaman² dan bahaya² ini. Maka penambahan perbelanjaan yang chuma tidak sampai dua ratus million itu memang patut-lah kita memberi sokongan penoh dan patut kita galakkan negeri kita membelanjakan wang yang berlebeh² lagi, tetapi hendak-lah kena pada tempat-nya saperti dalam perkara Kementerian Luar Negeri dan juga dalam perbelanjaan dalam Kementerian Pertahanan. Dalam tambahan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Kerajaan telah berusaha menghantar rombongan. Pada satu masa satu rombongan yang telah di-hebohkan² ia-itu di-ketuaï oleh Perdana Menteri Kerajaan Singapura, Mr Lee Kuan Yew.

Sunggoh pun banyak berita dalam negeri khuatirkan tingkah laku yang d-buat oleh ketua rombongan itu tetapi walau macham mana pun tidak boleh di-nafikan bahawa hasil daripada pemergian rombongan itu ka-Afrika telah memberi kesan. Kita dapat mengenalkan Malaysia kapada negeri yang bersimpati dengan kita dan juga negeri² baharu yang sama sa-nasib telah mendapat pula sokongan² moral daripada negeri² baharu ini yang banyak ada kerusi-nya di-Bangsa² Bersatu di-New York sana. Jadi tidak boleh-lah kita katakan dan kita burokkan rombongan yang di-ketuaï oleh Enche' Lee Kuan Yew tadi—merugikan, chuma malang-nya sadikit sa-bahagian besar yang saya katakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, tingkah laku atau sikap Enche' Lee Kuan Yew ini kerana kita orang² dari Malaysia ini sudah tahu dan sudah kenal tidak payah saya ulas lanjut tentang sikap sombong bongkak-nya.

Mr President: Ta' usah-lah sebutkan itu kerana itu ada-lah salah di-bawah Standing Orders.

Enche' Ahmad bin Haji Taf: Saya tarek balek, Tuan Yang di-Pertua, tetapi di-Singapura pernah di-sebutkan perkataan ini, kalau tidak boleh, saya tarek balek. Tuan Yang di-Pertua, dia mengambil kesempatan untok mengenalkan diri-nya lebeh dari apa yang di-tugaskan, tetapi kita bershukor kerana walau macham mana pun saya perchaya Kementerian Luar

Negeri tahu bagaimana orang-nya Enche' Lee Kuan Yew ini, dia telah menghantar bersama² pegawai Kerajaan dalam rombongan tadi untok memerhatikan supaya tugas² yang di-buat oleh rombongan itu bagaimana yang di-kehendaki oleh Kerajaan negara Malaysia. Dan lagi tentang kata² yang banyak di-keluarkan di-dalam Dewan ini tadi supaya Kerajaan mengadakan lebeh² lagi Kedutaan atau pun wakil² negeri kita di-luar² negeri terutama di-benua Afrika, saya bersama² juga berperasaan bagitu kerana sangat perlu kita berbuat demikian. Sunggoh pun bukan-nya kita mesti buat kerana negeri² lain buat bagitu atau tegas-nya saperti negeri tetangga kita—negeri jiran kita yang bertentangan dengan kita pada masa sekarang ia-itu Indonesia, banyak membuat atau menubohkan Kedutaan²-nya dan membelanjaï dengan perbelanjaan yang besar dengan mengadakan wakil² luar negeri tetapi kita patut mengkaji supaya di-adakan wakil² negara kita kalau tidak pun taraf Kedutaan di-negeri ini, saya perchaya ada daripada Menteri Muda tadi telah menerangkan ini ada-lah dalam pandangan Kerajaan oleh itu kita patut berasa bangga dalam sikap ini.

Juga, Tuan Yang di-Pertua, saya mengulas sadikit di-dalam perbahathan ini apa yang di-bawa oleh atau apa yang di-katakan oleh saudara kita dari pehak Pembangkang, Yang Berhormat Enche' Amaluddin tentang pilehan raya yang kita adakan dalam negeri kita. Saya berasa hairan dan terkejut yang beliau . . . .

Mr President: Perkara pilehan raya itu sudah di-jawab oleh Yang Berhormat tadi.

Enche' Ahmad bin Haji Taf: Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kerana barangkali beliau itu tidak berjaya maka timbul rasa tidak puas hati, kalau dia berjaya saya rasa tentu di-katakan pilehan raya yang kita adakan itu 100 peratus demokerasi betul. Oleh itu maka sa-bagaimana yang di-ingatkan oleh Tuan Yang di-Pertua tadi, tidak-lah saya ulas lebeh panjang lagi, kalau tidak saya akan timbulkan perkara itu. Tetapi dalam Bil yang hendak di-luluskan—Tambahan Perbelanjaan ini—saya suka hendak menyambong sadikit apa yang di-kemukakan oleh rakan saya, Yang Berhormat dari Kelantan, Enche' Nik Hassan, di-dalam perkara² untok memberi tambahan perbelanjaan terhadap membantu ra'ayat dalam menghadapi anchaman dari luar atau menghadapi asutan² untok merosakkan negeri kita. Kita tentu-lah sedeh dan dukachita; kita ulangi balek kejadian² yang berlaku dalam negeri kita, saperti sa-belah utara dan juga sa-belah selatan Tanah Melayu. Kalau kita kaji, kenapa kejadian ini boleh berlanjutan², kenapa asutan ini boleh berjalan ada-lah dengan ada-nya keadaan saperti sekarang ini, keadaan maseh ada lagi pehak yang tidak ada, juga pehak yang berlebeh²an ada-nya. Jadi ini bukan sahaja di-peringkat negeri kita bahkan negeri² baharu munchol sa-lepas kemerdekaan pun menghadapi masaalah ini. Dan malah pehak yang di-katakan tidak ada itu sa-bahagian besar ia-lah orang² Melayu. Jadi ini-lah patut Kerajaan menyiasat dengan baik² dan patut-lah Kementerian memberi perhatian yang berat dalam menghadapi atau membaiki keadaan daripada pehak yang tidak ada ini.

Satu daripada chara-nya yang di-akuï dari mula-nya kita sedar akan kelebehan merdeka tadi, ada-lah dari memberi bantuan kapada orang² Melayu khas-nya, saya katakan, Tuan Yang di-Pertua, dalam membentok satu badan atau lembaga yang di-namakan RIDA tadi. RIDA ini bukan-lah di-tubohkan baharu ini; bukan-lah di-tuboh oleh Kerajaan masa merdeka tetapi masa dalam pemerentahan Kerajaan dahulu, masa itu pun sudah ada ranchangan RIDA untok menghadapi kesulitan yang kita hadapi sekarang ini. Jadi kalau-lah perkara ini tidak di-beri perhatian yang besar saya rasa segala usaha² kita mengadakan Kedutaan² di-luar negeri, menghantar rombongan, membesarkan perbelanjaan pertahanan mungkin sa-olah² membazir sahaja kalau ketenteraman dalam negeri ini tidak dapat kita atasi. Mungkin timbul lagi kejadian² saperti yang terjadi baharu² ini

daripada asutan² anasir² yang hendak menjadikan kita porak peranda. Satu daripada jalan yang kita nampak ia-lah dalam memberi sokongan penoh dalam perkara RIDA tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat dalam masa saya baharu menjadi Ahli Dewan yang berbahagia ini saya telah kemukakan. Saya kata, pada tahun 1950 Professor Silcock ada menyatakan, dia memberi nasehat kapada Kerajaan untok menghadapi masaalah ini, Kerajaan hendak-lah membelanjaï 100 million ringgit kalau betul² Kerajaan jujor dan ikhlas hendak membantu orang² Melayu supaya satanding dengan bangsa² lain dalam tempoh 10 atau 15 tahun; itu dalam tahun 1950, Tuan Yang di-Pertua, apa-tah lagi masa sekarang. Jadi kita ketahuï pada masa itu barangkali hasil negeri pun tidak sampai satakat itu, jadi di-tubohkan bagi sachara dengan compromise di-tubohkan RIDA ini dan pada masa itu RIDA chuma menggunakan perbelanjaan sabanyak satu atau dua million sa-tahun tetapi nampak-nya berkekalan dengan sa-takat itu sahaja. Jadi, kalau-lah dari masa dahulu sudah ada ranchangan itu dan sampai sekarang juga maseh dengan sa-chara bak kata "Melepaskan batok di-tangga sahaja," ada-kah kita betul² hendak menghadapi masaalah membaiki keadaan pehak yang ta' ada tadi. Jadi, Dato' Yang di-Pertua, saya berharap sangat, kerana dalam ranchangan RIDA ini, ada-lah satu bantuan yang kita nampak bagaimana tegas-nya boleh kita membulatkan ta'at setia ra'ayat dan boleh menghadapi anchaman², atau pun kita katakan asutan daripada musoh kita untok menimbulkan porak peranda dalam negeri ini.

Sa-bagaimana yang telah di-terangkan tadi, Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri telah pun menyetujuï supaya ranchangan RIDA yang ada di-Malaya ini di-lanjutkan di-Singapura. Dengan kenyataan sahaja, Dato' Yang di-Pertua, sambutan yang diberi oleh ra'ayat yang datang daripada pehak yang ta' ada tadi chukup memuaskan sangat, dan mereka sekarang maseh tertunggu² di-atas ranchangan ini, dan ini sahaja pun sudah boleh menghadapi apa yang kita katakan asutan daripada ejen Indonesia yang ada banyak di-Singapura. Dengan kenyataan tadi sahaja telah dapat memperbaiki keadaan dengan tidak payah kita menghantar tentera, atau memberi bantuan polis untok menyelamatkan huru-hara di-sana. Satu kenyataan daripada Yang Teramat Mulia Perdana Menteri itu sahaja sudah dapat mentenangkan dan dapat menghadapi kesulitan. Jadi, dengan ini sudah tegas kita nampak betapa perlunya dan ini pula kalau tidak di-sebutkan dengan RIDA—di-sebutkan dengan Ranchangan Luar Bandar sahaja, bukan sahaja di-Singapura itu tertentu kapada orang² Melayu bahkan juga dari kaum² lain yang akan mendapat faedah daripada ranchangan ini kalau dapat di-segerakan. Ini saya berharap melaluï Dewan ini, Kementerian² yang berkenaan akan dapat mengambil perhatian yang berat dan saya perchaya dan saya pun telah diberitahu, bunyi-nya dalam bulan ini juga usaha untok melaksanakan dan memulakan ranchangan ini akan dijalankan, dan itu saya perchaya keadaan tegang yang ada di-Singapura itu akan dapat di-pulehkan.

Dato' Yang di-Pertua, saya rasa sa-takat itu-lah sahaja ulasan saya dalam menyokong Bil yang ada dihadapan kita ini, dan saya uchapkan terima kaseh.

Enche' Mohamed Salleh bin Mohamed Ariff: Dato' Yang di-Pertua, baharu sa-bentar tadi Dato' Sheikh Abu Bakar telah membangkitkan dalam Majlis kita ini, dia kata saorang Pengawal Kampong telah kena tembak. Saya suka menarek perhatian Majlis ini, dan kita semua sudah tahu ada di-siarkan dalam surat khabar yang perkara ini berlaku ia-lah dalam negeri Melaka. Maka wajib-lah bagi saya dari Melaka menerangkan perkara ini supaya jangan salah faham, atau pun menjadi satu macham alasan, atau saya takut pula mengatakan di-Melaka sana banyak sangat orang jahat.

Yang sa-benar-nya bagini, Dato' Yang di-Pertua, satu kampong bernama Sungai Siput—pengawal di-tempat itu ada-lah Pengawal Kampong

sapertimana di-kampong² lain juga. Sa-orang penchuri telah menchuri senapang orang lain. Pengawal Kampong berjalan ternampak orang ini. Si-penchuri senapang dengan penabor²-nya menembak ka-atas, menunjokkan "engkau jangan rapat dengan aku"—bagitu-lah agak ma'ana-nya. Pengawal Kampong ini bersemangat perwira—meletup senapang, dia menerkam datang ka-hadapan hendak menangkap orang ini, apa-kah hal-nya! Dengan itu juga si-penjahat menembak kapada si-pengawal. Jadi, kena-lah dekat leher sa-orang daripada Pengawal Kampong itu—bukan peluru, tetapi penabor. Pada malam itu juga-lah di-beritahu dengan serta-merta kapada pehak polis untok di-hantar ka-hospital, dan di-dapati dekat leher-nya itu ada sadikit penabor. Kena-lah satu dua hari dudok di-hospital. Maka di-dalam surat khabar telah bergema-lah perkara ini yang mengatakan Pengawal Kampong di-Melaka telah kena tembak. Itu-lah hal-nya yang berlaku di-Melaka.

Ada-lah yang si-malang ini telah di-beri sagu hati daripada derma orang ramai dalam Melaka. Maka saya harap Majlis ini faham-lah—bukan-lah di-tembak oleh penjahat, atau ejen Indonesia, rasa saya bukan-lah—itu penjahat yang sa-benar-nya si-penchuri senapang. Sekian-lah, Dato'.

Dato' Haji Mohamed Noah bin Omar: Dato' Yang di-Pertua, saya suka mengambil bahagian sadikit atas Kementerian Luar Negeri, kerana saya sangat tertarek hati atas apa yang telah di-lafadzkan oleh Yang Berhormat Dato' Thuraisingham baharu sa-bentar ini. Saya rasa dua² perkara yang di-sebutkan-nya dengan panjang lebar baharu² ini patut-lah mendapat perhatian yang penoh daripada pehak Kerajaan dan timbangan yang penoh juga.

Perkara yang pertama ia-lah masa-alah hendak menjadikan Sarawak dan Sabah di-bawah jagaan trusteeship dan dia telah menerangkan dengan alasan² yang chukup terang dari segi undang². Saya tidak-lah hendak mengulangi apa yang telah di-chakapkan, tetapi saya suka juga-lah memberi pandangan bukan daripada segi undang² bahkan daripada segi sa-orang yang biasa juga mendengar dan melihat bagaimana keadaan negeri² yang di-jadikan di-bawah jagaan trusteeship sama ada dahulu di-bawah League of Nations atau sekarng di-bawah United Nations. Biasa-nya sa-buah negeri yang hendak di-letakkan di-bawah jagaan trusteeship ia-lah dengan sebab tuntutan daripada orang² di-negeri itu sendiri. Kebiasaan-nya jikalau di-ambil mithal kapada yang ada pada hari ini, kalau-lah orang² di-Sabah dan Sarawak menuntut tidak suka hendak menjadi sa-bahagian daripada Persekutuan Malaysia ini, maka tatkala itu harus-lah boleh perkara itu di-timbangkan, sama ada boleh di-letakkan dua² buah negeri ini di-bawah jagaan trusteeship.

Maka pada hari ini kita tahu sa-bagaimana pendapatan commission yang di-hantar ke-dua² buah Negeri itu bagaimana kehendak orang² di-sana. Kita tahu boleh di-katakan majority—ramai, lebeh ramai orang² di-sana, sama ada Sarawak atau pun Sabah suka dengan sendiri-nya menjadi kedua² buah negeri itu sa-bahagian daripada Persekutuan Malaysia, maka dengan sebab itu, saya tidak nampak sama sa-kali masaalah hendak menjadikan dua² buah negeri itu di-bawah jagaan trusteeship itu boleh di-timbangkan.

Perkara yang kedua yang di-sebut-kan oleh Yang Berhormat Dato' Thuraisingham tadi ia-lah berkenaan tuntutan Kerajaan Philippines kapada Sabah dan dia telah menerangkan dari segi undang² juga di-bawah Charter of United Nations. Perkara itu, yang tidak boleh sama sa-kali, mengikut Charter itu, di-bawa ka-dalam Mahkamah Dunia. Kita tahu tiap² tuntutan biasa-nya—saya telah menjadi Magistrate dahulu—di-tuntut dalam Mahkamah di-Civil Court mesti-lah ada asas, atas apa asas atau atas apa pendirian tuntutan itu hendak di-tuntut di-dalam Mahkamah terlebeh dahulu.

Sa-tahu saya sa-hingga hari ini kita sendiri dan Kerajaan sendiri pun tidak tahu atas apa asas yang di-tuntut-nya. Jika tidak ada satu document yang terang yang melayakkan sa-saorang atau satu² Kerajaan menuntut atas

satu perkara tidak-lah boleh perkara itu di-bawa ka-dalam Mahkamah, melainkan bagi pehak kita Persekutuan Malaysia mesti-lah tahu atas apa asas tuntutan itu terlebeh dahulu.

Itu satu perkara yang saya rasa lazim, bukan-nya di-buat dalam Mahkamah sahaja bahkan di-mana² juga supaya di-beri asas atas tuntutan yang hendak di-buat itu. Sa-tahu saya sampai hari ini kita dengar dalam surat-khabar ada surat²—saya ta' tahu apa nama surat-nya—tetapi masaalah-nya kalau-lah ada tuntutan itu kenapa-lah baharu ini pula keluar-nya? Kenapa masa bertahun² Sabah itu di-bawah Kerajaan British dahulu menjadi sa-buah Koloni British tidak ada kita dengar apa² pun, melainkan Sabah sudah menjadi sa-bahagian daripada Malaysia baharu-lah kita dengar pula ada tuntutan yang hendak menjadikan Sabah itu sa-bahagian daripada Philippines?

Maka ini-lah yang saya fikir patut saya menyokong kuat apa yang di-terangkan oleh Yang Berhormat Dato' Thuraisingham dan saya fikir patut juga-lah mendapat perhatian berat dari pehak Kerajaan. Demikian-lah (*Tepok*).

Dato' Foo See Moi: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang² Perbekalan Tambahan. Saya sukachita sahabat saya dari Kelantan Enche' Amaluddin sudah menyokong Kerajaan untok anggaran tambahan wang ini, tetapi saya berasa dukachita dan hairan kerana saya telah dengar pemimpin *Socialist* telah buat satu pengshoran di-Dewan Ra'ayat baharu² ini. Maka penubohan Malaysia itu ada-lah satu perkara terjadi yang telah di-sebutkan oleh Dato' Thuraisingham dan Dato' Haji Mohamed Noah tadi penubohan dan kejadian itu ia-lah menurut kehendak pendudok di-dalam negeri² yang baharu itu, dan ada pun terjadi dan penubohan Malaysia kita ini telah di-akuï oleh Bangsa² Bersatu dan chuma satu atau dua negeri masa itu ia-lah Indonesia barangkali, saya tidak sebut Czechoslovakia. Apa yang saya fikir mustahak tidak pengshoran yang di-buat oleh Yang Berhormat itu dan apa yang saya berasa mustahak ia-lah apa menyebabkan Yang Berhormat itu membawa shor² itu dalam Dewan yang bertuah ini, dan pada pandangan saya oleh sebab soal² itu tidak bangkit lagi pada masa ini, jadi saya kata patut tidak bangkit lagi, oleh itu ia-lah satu perkara yang telah jadi dan saperti apa yang di-katakan oleh Yang Teramat Mulia Tunku kita ia-lah satu "fait accompli".

Saya berasa mustahak ia-lah pada masa ini kita maseh menghadapi konferantasi ini ada lagi pemimpin² Pembangkang dan ada lagi orang² yang sa-macham itu memikirkan Malaysia ini tidak menasabah dan ada juga fikiran saya perchaya sunggoh pun tidak banyak bilangan orang saperti itu boleh menjadi rosak dan boleh menjadi satu perkara yang besar menentang negara kita ini, dan saya ingat fikiran di-dalam hati pemimpin mereka itu ia-lah kedudokan dia itu ia-lah menyokong bagi pehak Indonesia. Saya kata bagitu oleh sebab adakah satu perkara macham sa-buah negara itu telah di-akuï oleh orang luar dan pemimpin itu orang ra'ayat kita negara ini juga dan saya terlampau hairan fikiran itu maseh ada di-dalam hati dia itu.

Saya fikir tidak sangat² menasabah bagi ra'ayat dalam negara kita ini di-masa kita menghadapi konferantasi ini membawa shor² itu dalam Dewan kita ini. Saya suka juga menarek perhatian Kerajaan kita ini patut-lah mengambil berat dan memberi lagi banyak keterangan kapada ra'ayat jelata kita dan menghapuskan fikiran² yang akan menjadi rosak pentadbiran negara kita ini. Terima kaseh.

Tok Pangku Pandak Hamid bin Puteh Jali: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap sadikit pada hari ini atas satu dua fasal sahaja. Yang pertama, saya menguchapkan tahniah kapada sahabat² saya yang baharu mengangkat sumpah pagi ini. Yang kedua, saya menyokong wang tambahan yang di-bentangkan oleh Dato' T. H. Tan pada pagi ini. Maka adanya wang tambahan untok tahun ini bagi pehak Pejabat Orang Asli, maka tidak-lah datang agak-nya perkara yang berbangkit atau perkara yang sulit². Yang pertama-nya saperti

anggota pertahanan bagi Orang Asli ia-itu Senoi Pra'ak, yang telah lampau saya memikirkan atau pun saya pernah berchakap dahulu sangat-lah kemushkilan-nya bagi pehak Senoi Pra'ak ini.

Jadi, dengan sebab mushkil-nya, dia orang tidak boleh meningkat taraf-nya atau pun lebeh anggota²-nya menambah kakitangan-nya, sebab tidak ada menchukupi wang. Jadi dengan sebab adanya tambahan ini nampak-nya boleh-lah dia orang melangkah dari sa-tapak ka-satapak ka-hadapan.

Yang kedua bagi orang² asli ini tentang tambahan perubatan. Di-sini ada kita mendengar daripada Ahli² Pembangkang yang datang dari Kelantan dia ada mendengar atau pun menengok satu hal orang asli yang sudah tua di-bawa oleh dua orang muda ka-dalam hutan, untok di-tinggalkan dalam hutan sampai mati. Ini barangkali terjadi dalam dunia ini, kita tidak boleh dapat tahu akan terjadi-nya, tetapi sama ada betul atau tidak betul, nanti kita akan siasat. Jadi yang pertama sa-kali tidak ada duit, Pejabat itu tidak menambah lagi kakitangan-nya bagi menjaga orang asli kita dalam hutan sana. Sekarang ini orang² yang ada berkhidmat di-sana pun di-berhenti-kan, fasal wang tidak ada tambahan.

Jadi di-sini kalau umpama-nya kalau sudah jauh daripada kakitangan untok menjaga mereka itu, apa mereka hendak dayakan, kalau hendak menghantar keluar pun orang tidak ada, hendak beritahu siapa, dan talipon pun tidak ada, apa pun tidak ada, boleh jadi dapat boleh buat bagini, tetapi tidak-lah sampai bagitu. Pendapat orang² asli ini ada bermacham², ramalan dia ini, sa-tengah daripada sa-tengah-nya ada yang mati tidak payah di-tanam, ada yang mati di-tanam. Hanya di-sini ada simpangan dia ini. Kata orang asli, umpama-nya ada menggunakan "khalak" dengan chara ghaib atau pun dengan chara yang nampak khalak itu ia-itu memakai harimau. Khalak yang memakai harimau ini tidak datang mengubatkan dia itu ka-dalam rumah, dan terpaksa dia itu minta hantar ka-tepi sadikit. Bukan ka-dalam hutan, di-tepi sahaja, jadi orang itu buat pondok kechil, malam² dia memuja "khalak" dia itu untok datang mengubati dia. Sama ada betah atau pun habis, kita tidak tahu-lah. Jadi itu yang saya katakan kapada orang ada mempunyai "khalak" dan umpama-nya Bunyian, dia tidak boleh datang ka-rumah, umpama-nya kalau dia hendak berchakap, dia terpaksa keluar daripada rumah. Itu-lah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, yang dapat saya chakapkan di-sini (*Tepok*).

Wan Ahmad bin Wan Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya sokong Bill ini dan saya hendak berchakap sadikit berkenaan dengan kesihatan. Di-dalam negeri saya Perlis yang bersangkutan dengan Menteri Kesihatan juga, di-dalam Perlis ada lebeh kurang sa-ratus ribu orang. Doktor² di-dalam Perlis kerap kali ada 3 orang dan sa-orang daripada-nya doktor perempuan. Dalam masa sa-bulan dua ini ra'ayat² di-Perlis banyak sangat yang berdukachita dengan sebab doktor tinggal 2 orang sahaja. Satu doktor India dan satu doktor China. Orang² sakit di-dalam Hospital Kangar ia-itu satu Hospital yang besar, tidak kurang daripada 230 orang dan 250 orang. Orang² sakit yang tidak terok pergi minta ubat "out door patient" laki² dan perempuan, doktor private chuma ada 4 orang.

Sekarang ini dalam sa-hari dua ini doktor perempuan yang sa-orang itu telah bersalin, kemudian kesihatan-nya telah terganggu, buah pinggang-nya silap sudah di-beri chuti sa-lama enam bulan tidak bekerja. Orang² laki² dan perempuan yang sakit masok ka-Hospital itu banyak sangat, jadi doktor India ada dua orang sudah tukar, sa-orang sahaja tinggal dan doktor China itu chuti, tinggal doktor besar sahaja, ia-itu Dr Muthu. Kemudian bila orang sakit dia hendak pereksa dan dia juga hendak beri ubat tidak chukup waktu, orang yang miskin pergi ka-Hospital hendak pereksa tidak dapat pereksa, dia hendak pergi ka-doktor private dia tidak boleh pergi, dengan sebab tidak ada wang.

Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, banyak orang² itu zahir-nya mati dengan sebab tidak dapat ubat, dan orang² yang perempuan sakit, doktor

laki² hendak memereksa di-tempat² yang sulit semua-nya tidak-lah kena adab, oleh sebab itu saya harap kapada Menteri Kesihatan, tolong-lah berikhtiar sa-boleh²-nya hantar doktor ka-sana, dan jangan lupakan doktor perempuan itu wajib di-hantar jika tidak banyak, satu orang pun jadi-lah dahulu.

Sa-lain daripada itu saya dengar Yang Berhormat Nik Hassan dan Enche' Ahmad bin Haji Taff dari Singapura, berchakap fasal kemundoran dan kemiskinan orang² Melayu. Ini susah hendak di-buat, beri bantuan wang pun jarang² boleh menjadi guna, dan pada satu hari harus akan mati bagitu sahaja. Saya puji orang Melayu ini semua-nya berugama Islam dan perchaya kuat kapada ugama Islam itu. Saya puji tinggi orang² kita Islam, tetapi dalam perhatian saya kemundoran dan kemiskinan bangsa Melayu, yang berugama Islam, di-sebabkan mengambil faham yang salah. Itu sahaja, kebanyakan orang² kita Melayu, saya fikir sahabat kita orang China orang India pun tahu, yang dudok di-kampong² Melayu, jika orang² Melayu Islam hendak kaya di-kata haram, hendak jadi orang besar pun haram kesemua di-kata dunia ini untok orang² kafir, bukan untok orang² Islam. Ini-lah satu rachun yang sa-habis² besar sa-kali, sebab bangsa Melayu, sahabat kita orang² China orang² India pun tahu, saya perchaya terang sa-kali saya sudah pereksa habis² ada yang berkata orang Shafie, saya orang Maliki, saya orang Hanafi. Saya murid tok guru itu dan ini. Ini-lah fasal-nya orang Melayu kita jatoh kerana silap faham dan ashek bertengkar itu dan ini sahaja. Saya ini anak murid Sheikh Daud dan anak murid Sheikh itu dan ini serta ber-megah² dengan nama² guru mereka.

Di-dalam Perlis Alhamdulillah jika saudara pergi perhatikan di-berapa tempat, orang² Melayu sana senang lenang tidak ada putus makan, dan wang ada selalu. Sa-tengah² orang ber-pendapat wang dalam bank haram, Life Assurance haram, tetapi khenduri, berkahwin khenduri, isteri bersalin khenduri, malam Juma'at khenduri, Bulan Puasa khenduri, kerana hendak chari pahala di-dalam dunia ini. Tetapi berniaga besar sadikit kafir, saya kata dalam Dewan ini saudara saya orang² Melayu dan sahabat² saya orang China dan India, tolong-lah beritahu, hai Melayu ugama Islam kamu itu bukan manusia yang punya, bukan Imam Shafie punya, bukan Muhammad ibni Abdullah punya, ugama Islam itu ia-lah Allah yang Asa. Kemudian Muhammad ibni Abdullah itu menyampaikan huku-man dia itu sa-lama 23 tahun, dan sudah ada satu jilid buku dalam satu kitab yang di-namakan Al-Quran, dan di-dalam Al-Quran itu-lah sahaja tem-pat mengambil hukum² Islam.

Mr President: Sudah pukul 1.00. Wan Ahmad, baik-lah kita berhenti.

Wan Ahmad: Itu-lah yang saya hendak bangkitkan, saya tahu kawan² saya semua-nya sudah lapar (*Ketawa*).

Mr President: Majlis ini di-tanggoh-kan kapada pukul 2.15 petang ini.

Sitting suspended at 1.00 p.m.

Sitting resumed at 2.30 p.m.

(Mr President *in the Chair*)

THE SUPPLEMENTARY SUPPLY (1964) BILL

Second Reading

Mr President: Perbahathan atas Rang Undang² Perbekalan Tambahan (1964) di-sambong sa-mula.

Enche' Saidon bin Kechut: Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil bahagian sadikit di-dalam bahathan Rang Undang² Perbekalan Tambahan ini, ia-itu saya ingin menyentoh dalam perkara yang mengenaï tanggong-jawab Kementerian Penerangan dan Penyiaran berhubong dengan penerangan² dalam masaalah hal ehwal pergolakan negara kita ini yang di-sampaikan dari satu masa ka-suatu masa dengan melaluï pe-gawai² daripada Jabatan Penerangan dan juga alat² kelengkapan-nya. Saya dapati dalam perkara memudahkan me-nerima penerangan² daripada alat² Ke-rajaan ini, pehak Kementerian Peneran-gan mengadakan kursus² atau pun cheramah dengan chara menyampaikan di-perjumpaan² ramai masharakat, meminta supaya ra'ayat menjalankan segala tanggong-jawab-nya dengan mempunyaï perasaan jujor dan ikhlas.

Saya terbacha, Tuan Yang di-Pertua, dalam beberapa waktu yang akhir ini dalam surat-khabar, tetapi sama ada ya atau pun tidak, ada di-antara pegawai² kerajaan di-dalam beberapa pejabat² kerajaan yang tidak bagitu memikirkan kepentingan perasaan ra'ayat jelata, dalam satu² perkara yang di-datangi oleh ra'ayat, dan kerana kursus² biasa yang di-adakan oleh Kementerian Penerangan ini atas anjoran daripada kakitangan Jabatan Penerangan perengkat negeri atau pun daerah yang di-maksudkan hanya kapada ra'ayat. Apa-lah salah-nya kalau sa-kira-nya daripada Kementerian Penerangan ini chuba menganjorkan pula satu kursus tata pentadbiran yang terdiri daripada pegawai² kerajaan yang di-dapati dan mungkin di-dapati oleh kerana tidak bagitu mementingkan perasaan dan pendapat ra'ayat negeri ini timbul perbuatan² yang dapat di-katakan perasaan angkoh atau pun sombong pegawai² itu memandang ra'ayat ini harus di-perentah sahaja, mereka lupa mereka juga harus menghormati orang ramai atau pun ra'ayat yang datang menemuï-nya.

Sa-lain daripada Kementerian Penerangan, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentoh sadikit tentang hal berkenaan dengan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Baharu pagi tadi saya balek dari Pulau Pinang saya sempat melaluï beberapa kawasan apa yang di-katakan bandar raya Pulau Pinang. Saya sunggoh berasa sedeh sa-kali, kerana saya sempat melihat keadaan kawasan perkampongan orang² Melayu di-kampong Tanjong To' Kong, kalau ta' silap saya keadaan pendudok² dan perumahan² yang ada di-situ di-punyaï pada keselurohan-nya ada-lah terdiri daripada orang² Melayu, maka keadaan perumahan yang ada di-situ sunggoh menyedehkan, dan saya berasa kesal, kerana sa-telah dua kali kita mengalami pilehan raya umum, di-kawasan yang demikian, yang kita katakan dudok-nya di-dalam satu bandar raya saperti mana di-Tanjong To' Kong, maka tidak ada sadikit pun usaha² pembelaan yang di-jalankan, atau pun dengan chara memberi peruntokan bagi kawasan perumahan orang² Melayu di-Tanjong To' Kong ini untok mendapat pembelaan untok pemulehan sa-mula.

Saya berharap supaya perkara yang demikian tidak lagi berlaku sa-telah kita mengalami pilehan raya dan demi pilehan raya di-adakan, sedangkan nasib orang² yang patut di-bela tidak mendapat perhatian daripada Kementerian yang berkenaan.

Sa-lain daripada itu, saya ingin menyentoh soal Kementerian Pelajaran yang juga di-sebutkan berkehendakkan tambahan perbelanjaan. Di-dalam soal Kementerian Pelajaran ini, saya suka menarek perhatian apa yang terjadi di-Sekolah Menengah Kampong Pandan ia-itu sa-buah sekolah menengah yang menggunakan bahasa penghantar-nya bahasa kebangsaan yang di-maksudkan menjadi ujian, ada-kah sekolah² menengah yang demikian akan memberi faedah, atau pun mendapat kemajuan pada masa akan datang. Sekolah Menengah Kampong Pandan, sekolah yang menggunakan bahasa penghantar-nya bahasa kebangsaan yang kita katakan sa-bagai ujian ini, di-dapati sa-benar²-nya alat² kelengkapan yang di-mustahakkan, guru² yang benar² berkebolehan, tidak sama sa-kali di-dapati di-dalam sekolah yang patut kita jadikan ujian ini. Apa-kah akan jadi pada masa akan datang, kalau² timbul satu tudohan yang mengatakan bahawa sekolah menengah daripada bahasa penghantar bahasa kebangsaan ini yang sa-benar²-nya tidak di-ambil perhatian berat oleh Kerajaan akan menjadi momok nanti kalau ada orang² yang chuba merendah²kan bahasa kebangsaan mengatakan memang sekolah² menengah bahasa kebangsaan ini tidak patut di-wujudkan.

Sa-lain daripada itu, saya ingin menarek perhatian berhubong dengan Malay Girls' College yang pada satu masa dahulu bertempat di-Damansara. Pada masa sekarang telah pun di-pindahkan ka-Seremban dan di-namakan Tunku Kurshiah Kolej, maka sa-bagaimana yang saya tahu di-dalam beberapa masa dahulu dan yang akan datang, penggal² akhir sa-telah dan sa-belumnya menjalani pepereksaan, banyak pelajar² yang menuntut itu lari meninggalkan bangku pelajaran-nya. Ini adalah di-sebabkan Tunku Kurshiah Kolej

pada hari ini tidak menepati dengan erti kata yang sa-benar-nya, sebagai sa-buah Kolej, kerana guru² yang di-datangkan di-situ daripada Normal Trained Teacher yang tidak bagitu mempunyai pengalaman dan ada di-antara-nya guru yang di-pinjamkan daripada universiti yang datang mengajar hanya dalam satu bulan satu hari, kemudian di-pindahkan, dan ada di-antara guru yang mengajar Ilmu Hisab—Ilmu Kira² daripada Form I hingga Form IV hanya sa-orang sahaja. Budak² yang menuntut di-bangku Tunku Kurshiah Kolej ini ada-lah pelajar² yang di-pileh, yang terpileh belajar di-situ. Kalau sa-kira-nya guru² yang datang di-situ dengan chara yang demikian, dengan tidak sadikit memberikan pelajaran² yang sa-taraf dengan keadaan kolej, sa-buah kolej yang kita ertikan dengan erti kata yang sa-benar-nya, lebeh baik-lah pelajar² ini ta' payah pergi ka-kolej dan kolej ini ta' paya kita wujudkan, lebeh baik belajar di-sekolah biasa sahaja.

Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarek perhatian di-dalam perkara yang lain, ia-itu berhubong dengan Kementerian Pertanian dan Sharikat² Kerjasama. Baharu² ini juga saya telah melawat, meninjau² keadaan kehidupan kaum nelayan. Beberapa perkara lagi yang saya nampak harus di-ambil perhatian berat di-atas soal² kehidupan kaum nelayan. Sa-bagaimana yang saya tahu sendiri dan saya chuba menyiasat sendiri, pendapat² kaum nelayan ini di-sabelah pantai timor, ada yang mengatakan bahawa soal² sharikat kerjasama kaum nelayan itu hanya melepaskan batok di-tangga sahaja, dan beberapa perkara yang telah timbul dalam soal² untok hendak menjadi ahli dalam sharikat kerjasama ini, berkehendakkan wang pembayaran permulaan sa-banyak $100. Bagaimana mereka dapat mengadakan wang ini supaya dapat pembelaan daripada sharikat, sedangkan pendapatan mereka bersabong nyawa di-lautan yang mendapat hitong panjang pada satu bulan hanya ta' lebeh daripada $80, sedangkan untok hendak mendapat pinjaman daripada sharikat tidak terjamin.

Jadi, perkara yang saya sebutkan di-atas ini-lah, saya mengharapkan agar Menteri Kewangan yang mengusulkan tambahan perbelanjaan ini memberikan perhatian yang berat untok mengingatkan kapada Kementerian² yang saya sebutkan tadi supaya keadaan² yang demikian itu dapat di-atasi dan dapat di-jalankan dengan sa-chepat mungkin.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan di-sini keinginan saya untok memberi sadikit ulasan sa-telah saya mendengar salah sa-orang daripada Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini yang mengatakan bahawa kemerdekaan yang kita dapat ini dengan sa-chara mengemis, kalau kita katakan sa-chara mengemis lebeh dahshat lagi daripada istilah peminta sedekah, dan satu lagi di-katakan bahawa negara kita ini ada-lah negara yang belum memenohi hasrat yang kita ingin ia-itu hasrat demokrasi yang sa-benar²-nya. Saya suka menjawab sadikit dalam soal ini dari pandangan dan pendapat saya sendiri, pengemis² yang di-katakan sa-chara meminta sedekah di-Downing Street itu ada-lah sa-benar-nya bukan-lah pengemis² yang ta' dapat makan, atau pun melarat hidup-nya, tetapi ada-lah pengemis² yang berjiwa patriotic—pahlawan, yang erti-nya kalau tidak di-beri akan jadi-lah "Padang jarak, padang tekukor" Dengan sebab pengemis, berjiwa pahlawan ini-lah timbul ketakutan penjajah di-masa itu, kemerdekaan telah pun di-dapati, dan kalau pengemis² sekali-pun, kalau meminta kemerdekaan, kita tidak malu.

Pengemis² ini datang-nya ada-lah daripada orang² parti Kerajaan, khas-nya pemuda² sendiri—bukan datang-nya daripada orang² yang membangkang, orang² yang membangkang pada hari ini ada-lah pak turut sahaja. Orang berchakap soal kemerdekaan, dia pun berchakap soal kemerdekaan, tetapi apa benda-nya, apa perjuangan-nya, apa tugas-nya, apa jasa-nya—belum kita nampak, hanya ta' lain, ta' lebeh ta' kurang, pak turut sahaja. Dan soal yang katakan belum menchapai hasrat demokrasi ini—ini lagu lama, istilah Pehak² Pembangkang dengan lagu lama-nya pada masa dahulu di-katakan demokrasi dan kemerdekaan negara kita ini sa-tengah masak. Soal yang sudah kita hadapkan sekian lama

kapada pehak² Pembangkang sa-hingga pada hari ini, ia-itu kalau sa-tengah masak, chuba-lah tolong masakkan. Nampak-nya mereka tahu menchachi sahaja, dia ta' tahu hendak menyediakan alat², dan ta' tahu hendak memasak, tetapi dia tahu kata sa-tengah masak, tetapi benda itu dia sendiri ta' tahu hendak memasak—dia chuma makan sahaja, kalau tahu makan sahaja—ah! kita sedia suapkan ka-mulut-nya, tetapi tolong diam² dudok. Jadi, itu-lah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya uchapkan terima kaseh banyak.

Enche' S. P. S. Nathan: Mr President, Sir, while supporting the Supplementary Supply (1964) Bill, I would like to make brief comments, under the Ministry of External Affairs, on the recent non-aligned nations conference held in Cairo. It is very surprising to note how Malaysia has been left out from the list of nations invited to this conference. Malaysia has all along been following a policy of non-alignment and it intends to pursue this independent policy as far as possible. One may argue that Malaysia has a military agreement with Britain, but this agreement is entirely different from such multi-lateral military alliances as the SEATO, NATO or the Warsaw Pact. We do have, and we do exercise, an independent foreign policy. What takes me completely by surprise is that the invitations were extended to countries like Cuba and several other South American States, which belong to one power bloc or the other. We in the trade union movement were so perturbed at the exclusion of our beloved nation from the conference that the Malaysian Trades Union Congress and the National Union of Plantation Workers—of which latter I have the honour and privilege to be the President—sent a protest telegram asking the conference to look at the matter dispassionately and arrive at a sane conclusions. The workers of this country will not stand to see their beloved country slighted.

Malaysia is fully qualified to be within the framework of non-aligned nations and I feel that it is gross injustice on the part of the people responsible for this conference to have deliberately omitted the name of Malaysia in the list of invitees. However, I should say we were able, by way of press statements, to answer the malicious propaganda of abuse heaped upon us by the Indonesians at the conference. And I am also particularly happy to note that Soekarno's crude allegations against Malaysia did not fully catch the attention of the delegates at the conference. President Nasser, who is a good friend of Malaysia, did not place much importance on Indonesia's aggressive statements, for he and most of the African States know the truth about Malaysia and the unwanted belligerent attitude of Indonesia. The final communique, which President Soekarno refused to sign, itself showed how complete and final the defeat suffered by Soekarno and his communist stooges was.

Sir, when I undertook a world tour a few years ago, from the discussions I had with various prominent leaders in many countries and from the observations I made, I feel that it is important that Malaysia, which has all the necessary qualifications to be one among the non-aligned nations, should strive hard to get recognition by the non-aligned group of nations. I hope our Government will pursue this matter and I am sure friends like President Nasser and Prime Minister Shastri will recognise the genuineness and logic of our stand and accord us the welcome befitting our sovereignty and status, in future conferences of non-aligned nations.

Enche' Abdul Samad bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Bill Peruntokan Tambahan tahun 1964 ini, sambil itu saya suka juga menyentoh sadikit sa-banyak dalam dua tiga Kementerian yang bersangkutan. Pertama-nya berkenaan dengan Kementerian Pertanian. Pagi tadi saya telah bertanya satu soal kapada Yang Berhormat Menteri, apa-kah ranchangan² Kerajaan yang telah di-adakan di-Sabah dan Sarawak untok menambah padi. Yang Berhormat Menteri telah menjawab bahawa ada, tetapi ranchangan² itu di-buat oleh negeri Sabah dan

Sarawak sendiri. Tuan Yang di-Pertua, kita tahu semua-nya ra'ayat kita ini makan nasi, pendek kata padi itu ada-lah makanan kita, atau pun kita panggil "*staple food*", dalam Malaysia ini.

Sa-belum kita masok Malaysia, masa kita di-Malaya, keluaran padi sa-banyak 60% sahaja untok makan, jadi berma'ana kita terpaksa kena beli tiap² tahun 40% daripada luar untok makan. Sekarang kita tambah lagi 3 juta orang, jadi kita punya kebolehan sudah turun, barangkali peratus-nya sudah turun sampai 55%, jadi 45% kita kena beli di-luar. Maka dengan kerana itu saya perchaya Kementerian ini buat satu ranchangan dan mesti-lah ingat bahawa keluaran beras itu menjadi dasar yang besar atau perkara national, kerana ini-lah makanan bagi ra'ayat kita ia-itu perkara yang besar, sama-lah saperti dalam masaalah per-tahanan dan konfrontasi ini dan lain² lagi. Dan kerana itu saya fikir bagi jawapan Menteri pagi tadi tidak patut-lah dengan sebab kita tolakkan perkara itu kapada negeri Sabah dan Sarawak sahaja supaya menchari jalan mengeluarkan tambahan padi yang tidak chukup itu, dan sa-patut-nya Kerajaan mengambil langkah yang tegas untok menolong kedua buah negeri itu untok menambah lagi ke-bolehan padi, kerana jika di-harapkan kapada dua² negeri itu barangkali saya ingat tidak chukup wang dan tidak ada "technical know-how" untok menjalankan itu, kerana itu kita tahu baik² kalau kita tanya pakar² padi chara mana kita boleh menambahkan keluaran padi itu. Saya perchaya-lah . . . . . .

Dato' Sheikh Abu Bakar: On a point of order, Sir, can the Honourable Member make this question into a debate, since that question has already been answered this morning.

Enche' Abdul Samad bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya bukan-lah berbahath atas soal yang saya bawa pagi tadi, saya beri mithal atas perkara pengeluaran padi. Jadi jawapan-nya ia-lah chara yang kita boleh menambah keluaran padi itu dua chara, satu chara luaskan tanah tanaman padi "increase the acreage under padi". Yang kedua tambahan kebolehan padi pada satu ekar, kalau sekarang satu ekar dia dapat 500 gantang, chari satu jalan supaya dapat satu ekar itu 1,000 gantang, dan ada berapa chara lagi sa-bagai D.I.D., menambah baja dan bermacham² lagi. Jadi sekarang ini saya nampak chuma Kerajaan di-Malaysia ini buat satu jalan sahaja ia-itu menambah ke-bolehan padi pada satu ekar dengan membuat tali ayer, tetapi tidak menambah menanam padi, maka de-ngan kerana itu-lah saya suka shorkan kapada Kerajaan kita, kerana barang-kali di-Malaya tidak ada chukup tanah padi, pergi-lah di-Sarawak dan di-Sabah di-mana tanah banyak lagi yang boleh di-buka dan tanam padi, dengan jalan itu saya nampak dapat kita menambahkan lebeh banyak padi untok makanan ra'ayat kita.

Perkara yang kedua ia-itu berkenaan dengan Kementerian Luar. Saya nampak banyak negeri² yang patut kita adakan Duta, saya beri satu mithal ia-itu New Zealand. Di-New Zealand kita ada penuntut² daripada Malaya tidak kurang daripada 600 orang. Kita tidak ada sa-orang Duta pun di-sana, chuma kita ada Duta di-Australia yang menolong menjaga kerja² di-New Zealand itu. New Zealand ada Duta-nya di-Malaya ini. Pagi tadi saya bacha Straits Times dia kata, dalam tahun 1961 Malaya export barang² kapada New Zealand sa-banyak 30 million dan juga Malaya import barang² daripada New Zealand sa-banyak 17 million, berma'ana tahun 1961 Malaya sudah untong ikut trade 17 million. Jadi ini satu perkara yang besar. Kalau bagitu sa-kali berma'ana-nya perhubongan Malaya dengan New Zealand itu chukup rapat, dan wajib sangat kita adakan Duta di-sana. Tambahan pula kita tahu dalam masa konfrontasi ini New Zealand sudah banyak memberi bantuan kapada kita, baik pun perkakas war materials dan juga orang² peperangan dan lain² lagi. Maka saya nampak wajib Kerajaan kita ini mahu menghantar sa-orang Duta ka-New Zealand itu kerana pada masa yang genting ini, kalau kita pakai Duta kita di-Australia itu tentu-lah dia tidak dapat membuat kerja² itu

kerana negeri Australia satu benua yang besar, dan hendak pergi tolong tengok New Zealand pula manakan hendak buat kerja itu.

Sa-lain daripada itu satu negeri lagi yang saya fikirkan patut di-adakan Duta itu ia-lah di-negeri Ceylon, kita ada Duta di-India yang menolong kerja² di-Ceylon, kita patut adakan sa-orang Duta di-Ceylon kerana apa banyak orang² di-Malaysia ini ada-lah keturunan orang² daripada Ceylon, dan juga kita banyak perniagaan dengan Ceylon. Saya berharap Kerajaan hantarkan sa-orang Duta di-Ceylon.

Sa-lain daripada itu saya fikir di-Afro-Asia kita patut hantar beberapa orang Duta, kerana kita tahu baharu² ini dalam Meshuarat Non-Aligned di-Cairo itu, kita nampak-lah kita dukachita, sebab Malaysia ini tidak di-panggil dan tidak-lah kita menjawab dengan tepat atas tudohan President Soekarno yang menentang kita. Sunggoh pun kita tidak memberi jawapan sa-chara rasmi, dan orang² di-Africa sudah boleh di-katakan masok sa-belah kita, tetapi saya fikir sa-elok²-nya lagi sekarang ini patut kita berhubong dengan negeri² itu supaya yang pertama dapat kita bersama² berhubong dengan negeri Afro-Asian dan yang kedua kita dapat mensesuaikan diri kita sa-bagai sa-buah negeri yang sudah Merdeka. Saya ingat di-dalam Afro-Asia barangkali ada Duta kita di-Masir sekarang ini, barangkali harus kita adakan Duta kita di-Algeria, di-Morocco, di-Ghana, di-Nigeria, negeri² yang kechil kita hantar sa-orang untok dua tiga negeri pun jadi-lah.

Sa-lain daripada itu yang besar sa-kali Duta kita itu ia-lah di-United Nations. Sekarang ini kita ada sa-orang wakil Enche' Ramani, sa-bagai "Permanent Delegate". Bila tiap² Meshuarat yang besar, kita tahu apabila Menteri² kita di-sini tidak boleh pergi, Duta kita di-Amerika, Dato' Ong yang mengetuai di-United Nations.

Saya perchaya patut-lah perkara ini kita angkat sa-orang asing daripada Dato' Ong Yoke Lin. Biar-lah Dato' Ong Yoke Lin jadi Duta di-Amerika sahaja, kita angkat sa-orang Menteri, saya fikir patut-lah jawatan-nya sa-bagai Menteri Yang Tidak Berjabatan; dia-lah yang akan menjadi leader di-United Nations dan perkara United Nations dia akan bekerja di-Amerika. Dan juga staff kita di-United Nations saya fikir patut-lah kita lebehkan lagi kerana di-United Nations sahaja-lah kita dapat tahu segala² negeri kerana wakil² semua negeri ada di-situ maka di-situ-lah kita dapat pengalaman yang banyak dan pengetahuan yang lebeh rapat lagi dan chepat lagi untok kegunaan negeri kita.

Yang ketiga, saya suka hendak berchakap sadikit perkara pertahanan. Kita tahu baik², baharu² ini apabila Indonesia menghantar dua buah kapal terbang-nya di-Labis, jadi nampak-nya pertahanan kita tidak dapat tahu macham mana kapal terbang itu boleh datang. Saya fikir patut-lah Kerajaan memandang lebeh jauh lagi di-atas perkara ini dan patut-lah di-adakan radar yang boleh menunjokkan bila² sahaja kapal terbang itu datang. Sebab sekarang kita tidak ada radar yang saya fikir itu-lah sebab-nya kita tidak tahu macham mana dia boleh datang di-tempat itu. Jadi saya harap-lah kapada Kerajaan patut memandang lebeh jauh lagi berkenaan dengan radar ini dan saya tahu baik², kita di-Malaya ini tidak ada duit hendak buat radar tetapi oleh sebab kita ada perjanjian dengan Britain, Australia dan New Zealand dapat-lah kita minta bantuan daripada sahabat kita itu supaya di-adakan radar bagi menjaga pantai barat Singapura dan juga Sabah dan Sarawak yang berperenggan dengan Kalimantan Indonesia supaya masa ka-hadapan ini dapat-lah kita jaga musoh yang datang dengan kapal terbang.

Keempat-nya, berkenaan dengan Kementerian Pelajaran. Saya ada sadikit hendak berchakap kerana saya dapat tahu mengikut berita² dalam surat khabar baharu² ini Kerajaan akan mengadakan atau menukar satu sekolah yang di-panggil "Comprehensive Schools" atau Sekolah Aneka Jurusan pada tahun 1965—tahun hadapan ini di-beberapa sekolah, bukan semua sekolah, sa-tengah² Sekolah Menengah di-dalam negeri kita ini.

Saya sendiri pun tidak tahu apa yang sa-benar-nya yang di-panggilkan Comprehensive Schools ini, chuma saya bacha dalam surat khabar sahaja dan saya fikir patut-lah Menteri Pelajaran pada satu hari memberi tahu kapada Dewan ini supaya dapat-lah Ahli Dewan ini tahu apa dia Comprehensive Schools ini, apa bedza-nya dan apa faedah-nya lebeh daripada system yang kita telah ada sekarang ini. Sa-sudah itu, saya harap-lah Kerajaan dapat diayahkan sa-luas²-nya Comprehensive Schools ini supaya ra'ayat dapat tahu, ibu bapa dapat tahu dan anak² dapat tahu. Kalau anak saya tanya macham mana pun saya tidak dapat memberi tahu. Jadi, chuma membacha surat khabar sahaja, tuan² sedia ma'alum-lah kita bacha sa-takat itu sahaja yang lebeh²-nya kita tidak dapat tahu. Maka saya berharap-lah kapada Kementerian Pelajaran supaya diayahkan sa-luas²-nya akan segala ma'ana² Comprehensive Schools dan faedah²-nya kapada kanak² dan ibu bapa dapat-lah tahu kelak.

Yang kelima, saya suka hendak berchakap berkenaan dengan Parlimen. Lepas saya dapat tahu apabila Kerajaan kita hantarkan Member of Parliament keluar negeri ia-itu "Melawat Sambil Belajar", saya dapati kurang sangat Ahli² Dewan Negara di-hantar keluar negeri. Kebanyakan di-hantar Ahli² Dewan Ra'ayat dan juga Ahli² Dewan Negeri. Saya ingat patut-lah sangat kerana kita ini walau macham mana pun di-panggil Member of Parliament, kita sama dengan Dewan Ra'ayat. Apa² Bill hendak putuskan Dewan Ra'ayat hantar ka-sini kita putuskan baharu boleh. Kalau kita tidak putuskan tidak boleh, sebab kuasa sama (*Tepok*). Jadi oleh sebab kuasa kita sama (privilege and right should be equal), saya harap pada masa hadapan Kerajaan mahu-lah timbangkan sadikit, tambah-lah sadikit Ahli² Dewan Negara ini hantar keluar negeri supaya barangkali orang² boleh tengok ini-kah Ahli Dewan Negara (*Ketawa*). Sekarang semua Ahli Dewan Ra'ayat sahaja. Kemajuan dapat-lah tahu sa-takat mana kebolehan orang² kita—Ahli Dewan Negara bukan ta' tahu sangat Ahli Dewan Negara pun ada juga yang tahu banyak. Dengan jalan itu sahaja dapat-lah Ahli² kita bersama² boleh menambah lagi pengetahuan dan pelajaran di-luar negeri.

Perkara yang kedua Parlimen juga, saya hairan baharu² ini saya telah dapat dua tiket keretapi daripada Sabah—dua tiket keretapi free dari Sabah macham kita dapat di-Malaya ini. Saya pun hairan buat apa gunanya; sunggoh pun bagitu saya uchapkan terima kaseh kapada Kerajaan Negeri Sabah yang bermurah hati menghantar tiket itu. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, yang saya hairankan bagini, kalau saya hendak menggunakan tiket itu hendak naik keretapi di-Sabah, saya terpaksa kena bayar $600 dahulu (*Ketawa*), pergi di-Sabah dengan kapal terbang. Apa-lah gunanya dapat tiket free hendak bayar $600 dahulu. Maka dengan kerana itu, saya minta-lah kapada Kerajaan, kita sa-bagai Member of Parliament ta' kira dudok di-mana di-Malaysia di-Malaya, Singapura, Sabah atau Sarawak patut Kerajaan beri peluang kapada Ahli² Parlimen dari Malaya boleh pergi ka-Sabah dan Sarawak dengan free (*Tepok*), supaya dapat-lah kita semua pergi tengok keadaan di-Sabah dan Sarawak. Apa ranchangan mereka buat, apa progress mereka buat, kalau boleh kita tolong tunjok macham mana bagus dan bila balek ka-Dewan ini, boleh-lah kita buat chadangan untok memperelokkan kedua² buah negeri itu dan untok menyokong mereka. Kalau tidak kita dudok di-sini kita berchakap berkenaan dengan Sabah dan Sarawak chuma harapkan Ahli² Yang Berhormat dari Sarawak dan Sabah berchakap, kita hendak menyokong pun tidak tahu sebab kita tidak pergi tengok keadaan di-sana, hendak pergi kena bayar hampir $1,000. Maka itu-lah sa-bagai penghabisan, saya harap kapada Kerajaan dan Menteri² yang ada pada hari ini tolong-lah beritahu kapada Perdana Menteri, saya berharap Ahli Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat patut-lah di-beri peluang pergi sampai ka-Sabah dan Sarawak free—perchuma (*Tepok*).

Enche' Athi Nahappan: Mr President, Sir, I rise to support this Bill,

and I do so for three reasons. The three reasons come under the letter "D": Development, Defence and Diplomatic Front.

As has been said by the Honourable Minister of Finance, of the appropriations asked for in the region of $186 million or thereabout, about $150 million is to be channelled for development purposes—that is very re-assuring indeed. We are facing a critical moment now. This is a state of emergency. The very existence of us as a sovereign nation, as an independent country, is being challenged. In these circumstances, it is heartening to see a democratic Government firmly saddled to its policy of development, come what may. That is I think, worth taking note of, and that is something which the people of this country should realise—that even in these adverse circumstances the Government is prepared to do what is good for them and that the Government is not going back on its words in its promises in trying to offer the people better living conditions. I think all sane people, whatever their political leanings in this country, must recognise that fact and given every support that is needed to see that most of our programmes, if not all of our programmes, are implemented within the stipulated space of time, so that we can at least feel gratified that we have done a reasonable amount of work and let the world see for itself.

As regards Defence, that is a burden which we did not expect, but we knew at the time of the creation of Malaysia that we were born in the midst of a crisis. Any responsible Government has to prepare the fabric of defence, and this is, of course, a burden on the shoulders of the people and, I think, on the whole, the Malaysian people are matching up to the dictates of the time and they are prepared to face it and to contribute whatever they can for this cause—and as a gesture in this House, the Honourable Dato' T. H. Tan announced earlier on what the Members of this august Assembly proposed doing. I am sure this will be welcomed by the country as a whole, and I am sure this will be the forerunner of a series of favourable reactions that we expect as a result of this. It is going to be difficult, but we are prepared to face difficulties, and I am right in saying, that the people feel that they are in safe hands, and that the Government will do everything possible to see that the integrity and sovereignty of this country are not infringed by any quarters.

Sir, as regards the third "D"—the Diplomatic front—appropriation has also been asked for in the region of over $1 million. I feel that the Diplomatic front is equally as important in the present context as the Defence front—the military and the war field. We have to sell an important idea. Even today's paper carries a story of Dr Subandrio, that Malaysia is a neo-colonialist project. They say that we did not make ourselves; they say that we were made by Britain; and that is what they have been telling all round the world, and this is what we have to counteract. We have to sell the idea that we created ourselves, that Malaysia is a creature of nationalism, that it was born by the desire of the people, and not the creature of Britain, or any other foreign power. There lies the crux of the whole problem and that can only be done by the Diplomatic front and, as has been said earlier on by Honourable Senators, here is where priority is immediately needed, and we have to have men on the spot, particularly in terms of United Nations arithmetics, where votes count. At the moment in Africa, which is so very vulnerable, we have to sell our ideas; and we have to have dynamic personalities, not just open missions; we have to have men who are imaginative, who can move around, who can speak the truth, and who can sell the ideas. That must be done as a matter of immediate urgency, and any money spent on it is money spent for our very existence. I hope the Government will give even more serious thought to this aspect of the problem. Though Soekarno tries to harass us,

intimidate us, frustrate our ambitions by his tantrums of military symptoms, he is hoping to crush us more in the field of Diplomatic front—and there they are much more organised. They have got more men on the field and they have been wrecking havoc and damage for some time now. We were not quite prepared for this. We could not afford the luxury of missions all round the world—quite rightly so. We just maintain the very minimum of missions necessary, mainly confined to this region. But now, as circumstances dictate and command us to do in the context of the present situation, we have to be realistic. Therefore, that Head of appropriation needs even more than what has been allocated, and we have to marshall all our talents available both in the Government and from outside, and deploy them on this very important field of diplomacy.

Sir, I support the Honourable Dato' Thuraisingham, my learned friend, in what he said about Sabah—that we should not go to the International Court. It is my firm belief that, both politically and legally, there is no claim; but then we find ourselves where we are and, therefore, we have been compelled to consider what has been put on us.

As regards the appropriation made under the Police Head of over $4 million, Sir, I hope that in so far as Malaysia is concerned, the legality of Malaysia is concerned, it is time that no Malayan worth his salt should be allowed to utter anything contesting or questioning its validity—whether he is a politician, or whether he is a Member of this House or one outside this House. We heard in this Parliament—not here but elsewhere—an idea to refer this issue to a United Nations trusteeship, which my Honourable friend Dato' Thuraisingham dealt with at length. It is not that I quarrel with the idea itself, but it is the sentiment behind that idea, Sir, that worries me. Here in this country, taking advantage of the democratic rights and institutions that we have afforded them, we have politicians, one year after the creation of our country, still questioning the legality and the validity of it. Now, that is something, Sir, which should not be allowed to go on. If necessary, even if it appears that we are acting high-handedly, it should be nibbed hereafter, because, Sir, that expression of opinion represents a body of thought in this country, a body of thought as exemplified by a political force. What did they say during the Election time? They said, if I remember correctly, "Bring an end to the hostilities"—we have no quarrel on that. But they went further and said, "Withdraw all the forces". When they said that, they categorically said, "Withdraw the Malayan forces from the Borneo territories, withdraw the British forces from the Borneo territories"; and they also said, "Withdraw the Indonesian forces." In other words, they wanted a military vacuum there; they wanted to neutralise that region. That is the Socialist Front's view. Then they said, "Take the matter to the United Nations and leave it to them." As the fourth remedy, they suggested, "Have a referendum and let the people decide where thay want to be." This is what they said during the Election.

Now, Sir, we hear another expression from a leader of the Socialist Front bringing in this idea of trusteeship, I am very glad that my learned friend, Dato' Thuraisingham, has ably torpedoed that argument that this is a matter which has no basis at all for trusteeship. The historical background, the political ground, do not justify any consideration of a trusteeship under the United Nations. It shows how utterly nonsence, how utterly devoid of sincerity and loyalty to this country, that a certain political faction of this country is still entertaining while enjoying the fruits of democracy accorded to it. Here, Sir, my submission is that under the Police Head that we have provided for, we should not allow in this country such opinions to be circulated either here or elsewhere, because this affects our very existence and especially when the enemy is attacking us.

Sir, I hope more will be provided for this Head hereafter, so that at least on the fundamental issue of our country, the fundamental issue of our nation, there shall be no difference; on other matters—day-to-day affairs—there can be any number of differences and we have no quarrel over them.

Sir, I support this Bill. (*Applause*).

Enche' Cheah Seng Khim: Mr President, Sir, in rising to support the Supplementary Bill, I would like to clarify the point raised by my friend, Senator Saidon, with regard to the land at Tanjong Tokong in Penang Island. The land at Tanjong Tokong was acquired by the State Government in 1957 for all the residents staying there at that time. Most of the residents, no doubt, are Malays, but Chinese, Indians and others as well stay there.

With regard to the other point about cheap housing, I would like to say that about twenty kampong houses built for the Malays but, due to the shortage of land just now, many more houses and flats will be built for all in the near future.

The next point which I would like to bring up is that some one in the Ministry of Agriculture has thought fit to call this year, 1964, a "Fruit Year". We all agree with this. We all agree that we should eat more local fruits and plant more fruits. However, the people of Penang Island, especially, would like to get an increased subsidy for cloves and a subsidy for nutmegs, and this is supported by the State Government. However, the Ministry of Agriculture has not deemed it fit yet to support this claim, and I hope that the Minister concerned will take due consideration of these facts.

Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Dato' Yang di-Pertua, saya bangun menyokong kuat dan tidak-lah banyak saya hendak berchakap, oleh sebab Dewan ini sudah berchakap boleh di-katakan banyak perkara² yang penting telah pun di-chakapkan oleh Ahli² Yang Berhormat yang dalam Dewan ini, Saya chuma hendak menyentoh satu sahaja, sunggoh pun satu, tetapi perkara ini berat, perkara ini mustahak, kerana perkara yang saya hendak chakapkan ini ia-lah berkaitan dengan Menteri Pertanian. Kita tahu dalam Kementerian Pertanian, di-rayakan hari tahun buah²an dan lain² lagi, dan usaha yang telah di-buat oleh Menteri Pertanian itu. Dengan ada-nya tambahan dalam Kementerian ini, saya berharap satu sahaja, kita sekarang dudok mengarah kapada seluroh ra'ayat jelata bangun serta mengambil peranan untok mengawal kampong daripada musoh² sama ada musoh dari dalam, atau pun dari luar, tetapi kita tidak ambil peduli. Satu lagi perkara—perkara yang hendak memerangi, bukan-lah besar sangat perkara ini, tetapi bahaya ia-itu musoh padi. Dalam negeri Pulau Pinang, di-Seberang Prai sana telah pun pada tahun ini telah jadi satu istilah yang menyebutkan tahun ini—kami semua dapat padi Taiwan betul.

Barangkali tentu Ahli Dewan ini tidak tahu apa itu padi Taiwan betul, boleh kata tiap² kampong dapat padi Taiwan betul, erti-nya padi Taiwan itu sudah naik macham lalang, betul, buah tidak ada. Kalau dia ada buah dia tundok (*Tepok*). Kalau padi Taiwan sudah naik betul, tidak tundok, erti-nya tidak ada buah, nanti saya takut padi Malaya pula padi Malaya betul. Kalau sa-kadar hendak mengarahkan kapada orang² sawah supaya di-perkuatkan kerja dalam sawah, kita mengarahkan ahli² sawah supaya menggunakan alatan² chara baharu, chara chepat, terekter dan sa-bagai-nya dan kita buka tali² ayer yang banyak. Dalam kawasan Seberang Prai sana, boleh di-katakan kalau selesai semua sa-kali hampir² 36 ribu, sekarang pun sudah ada 28 ribu yang dapat buat dua kali.

Tetapi soal chendangau ini ada-lah satu perkara yang chukup besar, barangkali orang lain tidak berapa tahu chendangau itu, satu binatang kechil dudok makan susu buah. Chendangau ini ia-lah chukup banyak, saya takut chendangau ini kalau kita tidak ikhtiar, tidak menchari jalan

bagaimana hendak memerangi chendangau, harus kita hendak perentahkan kapada orang ramai pula, ra'ayat jelata, supaya mengambil peranan yang kuat untok memerangi musoh² daripada luar atau dari dalam, khas-nya, musoh² dalam konfrantasi. Saya rasa musoh ini pun tidak berjalan, sebab ma'alum sahaja kalau main² dengan tidak makan nasi, mata kelabu, lutut kita berlaga, nanti main "rock-and-roll" dia menari, sebab lutut sudah ketar tidak makan. Jadi perkara padi ini ada-lah perkara yang chukup besar. Oleh itu dalam tambahan ini chuba-lah pula ikhtiar supaya perkara chendangau itu dapat di-hapuskan. Kalau tidak kesemua-nya biar-lah chendangau itu jangan memberati sangat².

Kita tahu di-negeri kita sedang menghadapi konfrantasi, kita tahu manakala sa-buah negara yang Merdeka dan dia pula satu negara yang kechil selalu dalam anchaman, sudah-lah kekuatan lain kurang, kalau makan pun kurang, harus kerja pun tidak jadi. Ma'alum-lah kalau main dengan tidak makan nasi, dalam Dewan Negara ini juga orang tidak datang, awal²-nya saya tidak datang. Jadi musoh padi, musoh chendangau ini, amat-lah besar kalau kita tidak ikhtiar betul². Oleh itu saya harap Menteri Pertanian, khas-nya, menchari jalan manakala dia keluar negeri jangan menchari perkara² lain sahaja, hendak membanyakkan tanaman² buah, hendak membanyakkan yang lain², tetapi perkara yang berkaitan dengan padi ini kena jaga sadikit. Tali ayer akan menjadi sia², baja akan menjadi sia², terekter akan menjadi sia² dan lain² lagi, kalau main dengan chendangau. Oleh itu sa-chara rengkas sahaja saya menyentoh dalam perkara Pertanian ini dan saya harap Menteri Pertanian sendiri tentu faham dan tahu perkara chendangau. Sebab saya takut, saya dua kali perang, perang dunia yang pertama saya makan ubi keledek, perang dunia yang kedua saya makan ubi kayu, takut² pula kalau tidak jaga betul², kita sedang menghadapi anchaman² banyak, kalau tidak jaga makanan ini pula nanti bukan hendak makan ubi kayu, ubi keledek, hampas ubi pun tidak dapat. Jadi saya harap perkara padi ini tolong-lah ambil berat betul².

Sa-bagai sa-buah negara yang memerentah chara demokrasi Ugama Islam di-jadikan Ugama Rasmi kalau tidak silap saya. Shara' telah berkata, sa-sunggoh-nya bagi melaksanakan segala Titah Perentah Tuhan ada-lah terletak kapada kesihatan tuboh badan. Badan hendak-lah sehat, makan kena-lah makan pula berkehendakkan yang ada berzat, kalau makan ubi kayu dan ubi keledek tidak jadi. Jadi sebab itu-lah saya minta perkara ini tolong-lah siasat. Dahulu saya ada berbahathkan dengan Pegawai Pertanian, bila saya cheritakan perkara itu dan saya minta kapada-nya, dia bawa cherita daun, daun apa pun saya tidak tahu-lah, lupa-lah saya nama daun itu. Jadi saya jawab satu, sebab saya tidak tahu daun itu, saya kata, ada juga saya dengar orang kata, satu orang itu ada kapit mayat, erti-nya orang chendangin, abang mati, adek mati, jadi tengah tidak. Kalau bawa dia pergi dalam bendang ini chendangau lari. (*Ketawa*). Kalau bawa orang itu mati-lah di-hentam padi dia, belum chendangau habis badan dia habis. Perchaya orang itu lebeh baik, dia gelak dekat saya. Jadi perkara yang samacham ini saya tidak mahu jawab lagu itu tidak mahu. Kita dunia sekarang berikhtiar bermacham² chara, alasan² macham² chara untok menghapuskan musoh², tetapi musoh chendangau sampai sekarang ini dudok bermaharajalela, tidak siapa ambil tahu. Saya takut pula lagi banyak chendangau ini nanti jadi saperti mana belalang yang telah di-hantarkan oleh Tuhan kapada kaum Fir'aun, tidak usah sayor-nya habis, daun-nya habis, pokok² tinggal tunggul. Jadi perkara chendangau ini amat berat.

Sa-lain daripada itu perkara kawalan kampong. Kawalan kampong satu lagi, manakala di-minta supaya seluroh ra'ayat jelata mengambil peranan dalam kawalan kampong, tetapi manakala ra'ayat² semua sudah menyambut kawalan kampong, ada berbangkit pertanyaan, macham mana-kah kami hendak mengawal ini, boleh-kah kami memungut sadikit sa-banyak

derma² untok orang² yang bekerja pada malam? Oh! tidak boleh, nanti kalau ambil wang, kalau² pula orang yang beri wang itu, saya sudah kasi wang, tidak payah-lah saya jaga, hendak melarikan daripada, jangan pula upah-mengupah. Minta makanan tidak boleh, memungut wang tidak boleh, itu tidak boleh, ini tidak boleh jadi, jadi macham mana hal-nya. Sa-hingga timbul permohonan kapada Kerajaan meminta wang "kopi o", Dewan Ra'ayat pun ada di-sebutkan. Jadi hendak meminta "kopi o" itu satu perkara malu, Kerajaan belum lagi meminta darah, chuma minta kawal untok menggunakan mata telinga, bukan suroh pikul senjata ka-medan peperangan, dalam pada itu pun tidak mengapa boleh juga di-ikhtiarkan, sebab bergilir² dalam pe-kerjaan 2-3 jam tidak apa-lah. Dia hendak keluar daripada rumah dia boleh beritahu kapada isteri dia, beri mak hang ini, aku ini hendak pergi jaga kawalan kampong, tolong buat "kopi o" satu chawan, boleh. Satu lagi perkara atoran², kalau ada satu atoran lebeh baik supaya tidak membangkit-kan pula dalam perkara² hal-ehwal kawalan kampong, ada yang menga-takan macham mana kita hendak kawal, macham mana pula atoran hendak mengawal, kalau kereta lalu boleh-kah tahan, ini satu perkara rumit. Perentah suroh kawal, chara-nya tidak di-beri. Jadi macham mana hendak di-buat. Saya sendiri menjadi Ketua Kawalan Kampong. Bila di-tanya dekat saya, saya sendiri pun tidak tahu hendak menjawab, susah akhir-nya bila kita di-tanya, dia kata ikut-lah kerjakan. Kalau ikut kerja orang² kampong tadi dia buat tidak kena gaya sudah menjadi salah. Sa-kurang²-nya pun buat dasar untok di-kelilingkan kapada tempat² yang telah di-tubohkan kawalan² itu supaya tidak rumit, ini-lah sahaja sa-chara rengkas.

Saya tidak hendak berchakap banyak, chuma perkara dalam Pela-jaran sadikit sahaja lagi. Sungutan² dalam perkara pelajaran kalau tidak silap saya Menteri Pelajaran pun sudah memberi akuan kapada semua negeri², erti-nya semua kawasan, hendak di-buat pula Sekolah Mene-ngah Anika Jurusan, kalau tidak silap saya Anika Jurusan yang di-buat itu berlanjutan dengan satu jalan-nya soal itu daripada Sekolah Lanjutan. Saya harap Anika Jurusan ini biar-lah ber-jalan sa-chara benar², sebab kalau tidak silap saya Anika Jurusan ini, kita ini sudah kemudian, sa-patut-nya sudah lama kita buat. Sa-lain daripada itu perkara² yang berkaitan dengan kedudokan bangunan² sekolah yang kurang kawalan-nya, sa-hingga rumah², bangunan² di-masoki penchuri, di-masoki lembu dan kambing. Bangunan beratus ribu boleh di-buat, pagar sadikit tidak larat hendak di-buat, sa-rupa-lah macham mana rokok boleh di-hisap, korek api tidak boleh di-beli. (*Ketawa*). Saya pun naik hairan juga perkara ini. Saya bawa perkara Seko-lah Rendah, dahulu ada satu orang acting dalam Ketua Menteri Pulau Pinang, saya bawa tengok kerbau dengan lembu dudok ada di-sana, pagar tidak ada, apa pun tidak ada, padang jahanam habis, sekolah pun jahanam habis, dia kata ya, ya. Main ya, ya tidak ada titek mana boleh. (*Ketawa*). Orang yang jadi Wakil Ra'ayat di-dalam kampong malu bising, di-sumbat telinga takut kawan-nya hentam. Jadi saya terpaksa-lah berchakap, tolong-lah ambil berat perkara ini supaya jangan berbangkit.

Juga perkara berkaitan dengan hal-ehwal rumah murah yang telah berlaku dalam negeri Pulau Pinang, sa-hingga naik kerumitan bermacham² chara, hendak undi tidak perchaya kapada Ex. Co negeri Pulau Pinang pun ada. Apa yang menyebabkan hingga tum-boh sa-macham itu? Saya rasa barangkali pemilehan tidak berapa betul takut² itu pun entah-lah kerana saya ini pun tidak berapa tahu dan saya tidak dudok dalam Ex. Co. Walau macham mana sa-kali pun, di-masa² ka-hadapan satu² perkara sama ada perumahan, dalam perkara pelajaran, sama ada dalam perkara pertanian sekarang ini hendak tumboh pula perkara pukat harimau—pukat harimau ini dalam Kementerian Perta-nian, kalau tidak kena gaya-nya nanti rimau makan kepala. Sunggoh pun ini baik tetapi sebab orang² kampong

payah kita hendak betulkan, kalau tidak kena chara kita membetuli-nya—kita memberi penerangan harus apa kita buat itu tidak menjadi kebajikan, tidak sempat berjalan jahanam maka sebab itu-lah hendak-lah kita berhati[2].

Kalau sa-kira-nya daripada mula lagi tiap[2] Jabatan Kementerian hendak di-laksanakan apa juga saya mithalkan perkara yang berkaitan dengan perkara pukat harimau; kalau sa-kali pun perkara itu baik perkara itu boleh mengubah chorak nelayan[2], bila ada peluang sa-macham itu pergi-lah chari dahulu orang[2] dalam nelayan itu, tunjokkan jalan ubahkan chara-nya dan beri tenaga bantuan jangan-lah beri orang lain—orang yang ada kapital, orang yang senang. Kalau-lah saya sendiri ada wang saya senang, saya tengok ada chan saya hulor-lah (*Ketawa*). Akhir-nya orang lain tengok, siapa dia? Orang pukat[2] kechil sudah bangun menentang dengan masokkan permintaan. Kalau tidak silap saya ada saya dapat tahu di-Pulau Langkawi hingga hendak mengambil satu keputusan yang chukup dahshat, kalau tidak berhati[2] betul perkara yang baik hendak di-buat memang susah, dan maka di-tentang sebab itu saya harap bagi pehak Kementerian juga jangan di-pada[2]kan dengan kaki-tangan chakap, ya semua. Tolong-lah ambil perhatian boleh jadi apa segi juga.

Yang akhir-nya sa-kali saya hendak mengingatkan sa-kali lagi, dalam tambahan perbelanjaan ini saya sokong penoh supaya Menteri Pertanian sa-belum daripada memerangi musoh yang hendak datang ia-itu musoh konfrantasi Indonesia, tolong-lah sama[2] perangkan chendangau ini habis[2] dahulu, terima kaseh.

The Minister of Labour (Enche' V. Manickavasagam): Mr President, Sir, the Honourable Nik Hassan mentioned about the shortage of doctors. Sir, the Government is making every effort in recruiting doctors from foreign countries to alleviate the present shortage, and I can assure the Honourable Member, as well as the Honourable Enche' Wan Ahmad from Perlis that his request too will be looked into.

The Minister of Commerce and Industry (Dr Lim Swee Aun): Mr President, Sir, I attempt to reply on what the Government is doing to assist the Malays in the participation of commerce and industry, I would like to explain that Government can only assist the Malays to take part in commerce and industry; Government can appeal to the Malays to take a greater share in commerce and industry; but Government cannot guarantee those who have taken part in commerce and industry that they will be a success, because commerce and industry is competitive.

Now, in our effort to assist and promote greater participation of Malays in commerce and industry, we try, first, to give them the necessary education and training. There is provision for the training of people to take commercial courses in RIDA. Further, there are the technical schools and the trade schools, and there has recently been a special course run by my Ministry in conjunction with the Public Works Department and the National Productivity Centre on special training courses for Malay contractors; and then in our educational system, which will soon start, there will be the comprehensive school system where there will be further training for all children, including Malays, to form the greater part of the activity in trade and commerce.

The other important aspect of commerce and industry is to provide national capital. Sir, the Government lends capital to some of these Malay enterprises and, if I am correct in my memory, I think every year Government sets aside $5 million for RIDA as loans to Malay businessmen and contractors, and so far more than $30 million have already been lent out, and still outstanding, to the Malay businessmen. Beside the Government's attempt, there is also an arrangement, sponsored by my Ministry, for Malay businessmen to find it easier to borrow from the *Sharikat Kewangan*, where I understand land in a Malay Reserve can be used as security and, which I

understand is not acceptable in other commercial banks.

The other major attempt is through the *Sharikat Permodalan Kebangsaan*—Malay National Investment Company—when we realised that the Malays, as individuals, may not have the large capital, but collectively if they bought shares in this investment company, then their capital strength could be increased. If, for example, one million Malays would each contribute or buy $10 worth of shares, there would be $10 million capital with the *Sharikat Permodalan Kebangsaan*. But, unfortunately, despite all the publicity, despite all the appeals by my Ministry, both in this House and outside, in the third recent call-up of capital, we only got a total of slightly more than $2 million.

Thirdly, the Government also assists the Malays to get a fairer share of the contracts in the tenders of Government Departments, and there is an administrative instruction that if a Malay tender is 10 per cent higher than a non-Malay tender, all things being equal, preference will be given to the Malay tender. Of late, too, because of our effort to get more work for the Malay contractors under F and EX group, quite a fair amount of work has been given to them.

Fourthly, the Government attempts to increase more participation through employment, and in this recent development, where industrialisation has started in this country, where pioneer status has been offered to certain companies, before the issue of a certificate there is usually a clause which demands that the employer shall employ at least 30 per cent or more of its employees from the Malays. From the statistics that I have, where 69 companies have so far been investigated, out of 5,800 employed in these 69 companies, 2,549 are Malays which makes up to almost 44 per cent. What is most important, now that we have started industrialisation in this country, is that we must take this early step of reserving a portion of the share capital to the Malays, otherwise, later on, if this precaution is not taken, once industrialisation has been firmly established, for the Malay to come in later, it would be very, very difficult. As much as we find that because we do not have the technical know-how, we can solve this industrialisation problem over this question of technical know-how through joint ventures. That is why it is Government's policy to encourage joint ventures between foreign capital and local capital, thus getting over the problem of technical know-how and also having a share and a stake in the capital of industrialisation. Similarly, for the Malays who have not got the technical know-how of trade and commerce, I would certainly advise them to go into joint ventures. That is why, in this policy of ours, when every new pioneer company is set up, at least 10 per cent of its share capital is reserved for the Malays. So far out of 107 companies, 50 companies have set aside a proportion of the capital for the Malays. The call-up capital of these 50 companies amounts to $125 million and we have set aside slightly more than $15 million for Malay participation; that works out to a rough figure of 12 per cent. Despite our efforts to get the Malays to buy these shares, so far only $3.85 million have been taken up in shares; out of this the greater majority has been taken up by the *Sharikat Permodalan Kebangsaan*. The number of shares taken up by the Malay individuals as such only amount to $180,150. I quite see the point raised by the Honourable Nik Hassan that the Malays are not particularly interested in buying shares because they claim that they will not have a direct control in the management and what they got to do is just sit and wait for the dividends. Now, that is not all very correct, because of these 50 companies, 10 are only public companies and 40 are private companies. I appeal to the Malays who are really interested to go into commerce and industry who have the capital, to take shares in these private companies, in which case then you will have the opportunity of being actively participating not only by putting in your capital but also in the management of these companies. So,

if there are any Malays—individuals or Malay companies—who are interested in these projects, who want to buy the remainder of the $11 million-plus shares, would they write to my Ministry, giving me their names and addresses and the amount of money that they are prepared to invest, I shall try to do my best to fix them up.

Sir, there has been criticism that RIDA has not been what it should be. There have been comments that if a car is efficient, has petrol, has a good engine, if the driver is not good enough, then you change the driver. I agree on principle that such a thing should be done. But where RIDA is concerned, although it is not in my Ministry, I feel there is also another side of the picture; and the other side of the picture is that quite a number of people who go to RIDA for loans do not realise that they are asking something for nothing; and sometimes RIDA officers find it very difficult to give a loan when they know that the applicant had already several bad debts.

Sir, the Honourable Enche' Abdul Samad has laid stress that the Ministry of Agriculture should not only increase the acreage but also should increase the productivity of padi. I quite agree with him. Although I am not the Minister of Agriculture but as the marketing and the guaranteed minimum price of padi comes under my Ministry, I think I know a little bit of this subject. The Honourable Member has complained that there is no planning, no expansion, by the Central Government in the States of Sabah and Sarawak to increase the yield of padi. That is not quite correct, Sir. I was myself in Sarawak very recently over this question of stockpile rice and the guaranteed minimum price and I was indeed very surprised myself to find that Sarawak produces 60 per cent of her own rice consumption; relatively little is being sold to the Government. The Agriculture Department there has got great schemes, great ideas, of how to produce more rice. In fact, in an area around Sibu, there are proposals not to permit the replanting of rubber in a certain area which is under water; instead these people who own rubber land in that particular area would be given a new site further away to new plant rubber and the old rubber estate would be converted into large padi fields. So, I think our Minister of Agriculture is fully alive to this problem but we must remember that we must not put all our eggs into one basket, that is, agriculture must not concentrate on the growing of padi alone but also must diversify our crops, i.e. in cocoa, palm oil and even in other fruits.

Sir, the Honourable Tuan Haji Ahmad did lay stress that we must fight against this dreaded disease *chenangau*, which produces "padi Taiwan *betul*" which does not produce any grain. I have no doubt that the Ministry of Agriculture is aware of such a disease and there must be research going on either in this country or abroad to fight this disease. Although it might sound very simple, and although it might sound that we have been successful in countering major forces even to the extent of defending a nation, yet we have not been able to defend the poor padi plant against *chenangau*. This can possibly be explained by the fact that there are many diseases which the scientific world has not yet been able to find the cause nor the cure. Take for example the ordinary cold. Most of us suffer from cold but the medical profession has still not yet been able to find a suitable cure. But I can assure you that the Ministry of Agriculture will do, and is doing its best to find a cure for *chenangau*. Thank you.

Enche' Abdul-Rahman bin Ya'kub: Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak menjawab di-atas beberapa perkara yang telah di-bangkitkan oleh Ahli² Yang Berhormat terutama sa-kali mengenai perkara² yang di-bangkitkan oleh Senator Enche' Saidon ya'ani pertama sa-kali soal Sekolah Menengah Kampong Pandan, beliau berkata alat² dan kelengkapan² lain serta guru² di-sana sa-benar-nya tidak bagitu memberi puas hati, jikalau perkara ini tidak di-perbaiki dengan sa-chepat mungkin, maka akan mendatangkan kerugian dan lain².

Yang kedua, mengenai Malay Girls' College, atau pun Kolej Tunku Kurshiah yang ada pada masa ini di-Seremban. Beliau menerangkan ia-itu banyak pelajar² harus akan lari, kerana guru² di-sana tidak mempunyai chukup kelayakan untok mengajar dalam kolej itu. Perkara ini akan di-timbangkan dan akan di-siasat dan Ahli Yang Berhormat itu akan dapat tahu dengan sa-berapa chepat mungkin sa-telah penyiasatan itu di-jalankan.

Berkenaan dengan perkara yang di-bangkitkan oleh Senator Enche' Abdul Samad tentang hal Duta², yang sa-benar-nya pada sa-belah pagi tadi saya telah nyatakan perkara ini sedang di-timbangkan dengan active-nya oleh Kerajaan. Sunggoh pun benar kita ketahui bahawa patut kita mengadakan Duta di-beberapa tempat, bukan di-benua Afrika bahkan di-tempat² yang lain juga, tetapi sa-balek-nya kita terpaksa-lah menimbangkan dengan sa-chara mendalam lagi soalan yang berkaitan ya'ani kaki-tangan yang patut kita hantarkan, perbelanjaan dan lain². Bagaimana pun saperti yang telah saya nyatakan perkara ini menerima timbangan Kerajaan dengan sa-chara active-nya.

Berhubong dengan perkara comprehensive system, Ahli Yang Berhormat Senator Enche' Abdul Samad pun telah membangkitkan yang beliau telah meminta penerangan apa-kah dia comprehensive system ini, beliau belum mengerti lagi. Sa-bagaimana yang kita ketahui daripada penerangan² yang telah di-berikan oleh Kerajaan mengenai comprehensive system, atau pun system sekolah anika jurusan, ini akan di-mulakan pada tahun hadapan dengan Form I kemudian kita berharap akan terus berjalan sa-hingga Form III. Comprehensive system ini ada-lah di-buat dengan harapan supaya kita dapat menggalakkan anak² kita yang belajar dalam Sekolah itu mendapat kemajuan di-dalam lapangan yang mereka itu ada mempunyai, bukan sahaja kechenderongan bahkan ada kebolehan di-dalam lapangan yang tersebut. Jadi, menurut system ini ada beberapa pelajaran yang mesti murid² itu di-kehendaki mempelajari; sa-lain daripada pelajaran ini, ada pula beberapa mata pelajaran yang lain dan daripada mata pelajaran yang lain ini, murid² itu boleh-lah memileh menurut kechenderongan dan kebolehan mereka sendiri. Ini-lah perkara yang sangat baik berkenaan dengan hal system pelajaran yang baharu ini, sa-lain daripada penghapusan pepereksaan apabila sa-saorang murid itu sudah belajar dalam Darjah VI. Dalam pelajaran mereka, guru² dalam sekolah itu boleh memandu murid² itu dan daripada report tentang hal kemajuan mereka, murid² akan mendapat tahu berkenaan dengan mata² pelajaran yang mereka mempunyai kechenderongan dan mempunyai kebolehan. Jadi, rengkas-nya kebagusan, kebaikan, atau keuntongan comprehensive system ini ia-lah sa-saorang murid itu kita beri peluang supaya mendapat kemajuan di-dalam lapangan yang mana mereka itu sendiri rasa boleh dengan ada-nya bantuan guru itu dia boleh maju, bukan-lah saperti yang ada pada masa sekarang ini.

Berkenaan dengan soal RIDA yang telah di-bangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Enche' Ahmad bin Haji Taff dari Singapura, beliau telah menerangkan bahawa Kerajaan Pusat patut-lah berusaha dengan sa-berapa boleh-nya supaya perbedzaan yang besar di-antara mereka yang mempunyai kekayaan, yang mempunyai harta, yang mempunyai wang, atau pun lain² dengan mereka yang susah itu, Kerajaan hendak-lah berusaha supaya perbedzaan itu dapat di-hilangkan, atau pun di-kechilkan dengan sa-berapa chepat yang mungkin, dan beliau telah berkata yang RIDA ini ada-lah satu daripada jalan-nya. Saya suka menerangkan di-sini berkenaan dengan policy Kerajaan tentang hal RIDA hendak menyambong ka-Singapura. Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri telah menjelaskan dengan jelas-nya bahawa RIDA ini memang akan ka-Singapura, Sabah dan Sarawak, tetapi kita tidak dapat mengambil tindakan dengan segera-nya di-ketika itu oleh kerana Undang² RIDA yang ada pada masa ini membolehkan Kerajaan memberi bantuan dalam Malaya sahaja. Maka langkah yang pertama

yang sedang di-ambil oleh Kerajaan pada masa ini ia-lah supaya meminda undang² itu, dan saya harap jikalau ada kesempatan dalam meshuarat Ahli² Dewan Ra'ayat yang akan datang—bulan sa-belas, atau pun bulan dua belas, kita akan dapat kemukakan perkara ini dengan jelas-nya.

Mr President, Sir, the Honourable Senator, Dato' Sheikh Abu Bakar, requested that members of the Vigilante Corps should be given some sort of military training. He further requested that they be supplied with rain-coats and torch lights. At present, he says, they are being given only arm-bands and scarfs. The Government in this case, Sir, considers that the duties and functions of the members of the Vigilante Corps do not really require them to have any military training at all. As to the suggestion that they be supplied with rain-coats and torch lights, I wish to say that these two items, as well as whistles, will be purchased and issued to members of the Vigilante Corps as soon as funds are available.

Sir, I wish to thank the Honourable Members, Dato' Thuraisingham and Senator Athi Nahappan, regarding their observations and also the learned opinion by Dato' Thuraisingham on the question which was raised by a Member of the Socialist Front in the Dewan Ra'ayat concerning a proposal to place the two Borneo territories, Sabah and Sarawak, under trusteeship. The Honourable Prime Minister has already answered that question in the Dewan Ra'ayat, and I am sure all Honourable Senators are aware of what the Honourable Prime Minister has said.

